

"WAHA! orang-orang yang beriman! Bersabarlah kamu menghadapi segala kesukaran dalam mengerjakan perkara-perkara kebajikan, kuatkanlah kesabaran kamu dalam menghadapi orang-orang kafir dan bersiap sedia dengan kekuatan pertahanan di sempadan negeri kamu serta bertakwalah kepada Allah, supaya kamu berjaya mencapai kemenangan".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam terjemahan makna ayat Surah Ali 'Imran, ayat 200.

BERKENAN MENERIMA MENGADAP, JUNJUNG ZIARAH BAKAL JEMAAH HAJI



Oleh : Wan Mohamad Sahran
Wan Ahmadi

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 16 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap dan junjung ziarah bakal jemaah haji Negara Brunei Darussalam bagi Musim Haji Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi.

>> Muka 3

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda baginda berkenan menerima mengadap dan junjung ziarah bakal jemaah haji Negara Brunei Darussalam.
- Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit.

Bidang tenaga, keselamatan makanan penting untuk pertumbuhan ekonomi

Oleh : Nooratini Haji Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin

Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah, mengalu-alukan Perdana Menteri

Australia, The Honourable Anthony Albanese MP pada Lawatan Kerja yang pertama kalinya ke Negara Brunei Darussalam.

>> Muka 6

Memperkukuhkan akidah, jati diri, kesejahteraan umat Islam

Oleh : Haniza Abdul Latif

GADONG, Rabu, 15 April. - Sebagai tanda kesyukuran atas selesainya proses penelitian tafsiran lengkap 30 Juz Al-Quran Al-Karim oleh Panel Masyaikh, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) pagi tadi mengadakan Majlis Penandatanganan dan Doa Kesyukuran Projek Mushaf Brunei Darussalam dan Tafsirannya

bertempat di Dewan Sutra, Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman.

Turut hadir ialah Ahli-ahli Panel Masyaikh, jemputan khas, wakil

agensi-agensi penyemakan serta pegawai-pegawai dan individu yang terlibat secara langsung dalam menjayakan projek berkenaan.

Terdahulu itu, majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Pemangku Pengarah PDI, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd. Rahman.

>> Muka 10

Perkukuh agenda transformasi digital

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

JERUDONG, Khamis, 16 April. - SYNAPSE 2026 Hybrid Cloud Day anjuran Comquest Sdn. Bhd., dengan kerjasama Dynamik Technologies berjaya menghimpunkan pemimpin kerajaan,

pakar industri serta rakan teknologi global bagi membincangkan peranan penting *hybrid cloud* dan Kecerdasan Buatan (AI) dalam memacu evolusi digital Brunei.

Acara yang berlangsung di The Empire Brunei itu turut mengetengahkan kemajuan keupayaan digital Brunei melalui pelaksanaan AWS Outposts.

>> Muka 12



Berita Utama



16 Pegawai PPDB dinaikkan pangkat

Muka 10



PUPUK semangat nasionalisme, cintakan tanah air

Muka 13



PMB ketengahkan usaha kerajaan ke arah pembangunan negara

Muka 20



HYROX : Uji tahap kecergasan, ketahanan mental

Muka 31

Jubli Perak Cahaya Pakatan Berhad cerminkan kecemerlangan, ketahanan

Bismillahir Rahmanir Rahim
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,
Wasaalatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil
Ambiaie Walmursaleen,
Saidina Muhammadin Wa'alaah Aalihiee
Wasahbihee Ajama'een.
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

ALHAMDULILLAH, dirafakkan syukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan limpah kurnia-Nya jua, kita dapat sama-sama berkumpul pada hari ini dalam Sambutan Jubli Perak Syarikat Stesen Minyak Perusahaan Cahaya Pakatan Berhad (PCPB), satu mercu tanda penting yang menandakan ketahanan, kematangan dan kecemerlangan syarikat ini selama tempoh penubuhan 25 tahun.

25 tahun, bukan satu tempoh masa yang singkat. Sepanjang tempoh dua setengah dekad lalu, syarikat ini telah menjadikan prinsip kejujuran dan integriti sebagai

pemangkin kejayaan syarikat. Pencapaian yang membanggakan termasuk pengiktirafan Operational Excellence sebanyak 19 kali dari Brunei Shell Marketing Sdn. Bhd., telah membuktikan kecekapan dan pencapaian prestasi pada aras tinggi bagi syarikat ini. Ini menunjukkan anak tempatan *kitani*, memiliki keupayaan dan kecekalan untuk menerajui perusahaan walaupun dalam suasana perniagaan yang kompetitif.

Dari perspektif yang lebih luas, kejayaan hari ini adalah selaras dengan Wawasan Negara Brunei Darussalam (NBD) tahun 2035, menuju ke arah ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan. Oleh itu, syarikat ini diharapkan berfungsi sebagai perintis dalam menguatkan ekosistem Micro, Small and Medium Enterprises (MSME), khususnya dalam menyediakan peluang-peluang pekerjaan dan memajukan tenaga kerja mahir bagi anak-anak tempatan. Usaha ini selaras dengan agenda negara dalam sama-sama mempersiapkan generasi masa depan yang cemerlang.

Sambutan jubli perak ini bukan sekadar perayaan pencapaian yang telah diraih dalam tempoh 25 tahun, tetapi juga merupakan titik tolak bagi syarikat untuk terus memperkukuh daya saing dan inovasi dalam menghadapi cabaran dan pergolakan ekonomi global yang difahami kian kompleks. Kejayaan syarikat ini telah mencerminkan kekuatan akar umbi masyarakat Brunei dalam memajukan syarikat yang berdaya tahan dan penuh disiplin.

Adalah diharapkan Syarikat Cahaya Pakatan Berhad terus teguh berpegang kepada nilai-nilai murni dan prinsip tadbir urus yang cemerlang. Dengan kepimpinan yang kukuh serta budaya kerja berasaskan komitmen, dedikasi dan kerjasama, syarikat ini diyakini akan terus melangkah gagah dan berkembang maju dalam melayari cabaran yang mendatang.

Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua barisan kepimpinan yang telah berkhidmat, para pemegang saham, para pekerja, atas dedikasi dan usaha yang telah dilakukan dalam memacu kejayaan syarikat ini. Semoga Syarikat Stesen Minyak PCPB terus memberi sumbangan bermakna kepada rakyat dan NBD.

Sebelum mengakhiri ucapan pada pagi ini, izinkan untuk menyampaikan satu rangkap pantun :

Pergi ke taman memetik melati,
Singgah sebentar di tepi perigi,



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid semasa berucap pada Majlis Sambutan Jubli Perak Syarikat Stesen Minyak Perusahaan Cahaya Pakatan Berhad pada Ahad, 5 April 2026 yang berlangsung di Kediaman Rasmi Pegawai Daerah Tutong.

Jubli perak dirai di Tutong bestari, Cahaya Pakatan kekal gemilang selamanya nanti.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah,
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

ADALAH diharapkan Syarikat Cahaya Pakatan Berhad terus teguh berpegang kepada nilai-nilai murni dan prinsip tadbir urus yang cemerlang. Dengan kepimpinan yang kukuh serta budaya kerja berasaskan komitmen, dedikasi, dan kerjasama, syarikat ini diyakini akan terus melangkah gagah dan berkembang maju dalam melayari cabaran yang mendatang.

WAKTU SEMBAHYANG										
APRIL MASHI	HARI	SYAWAL HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
18	SABTU	29	4.44	4.54	6.13	6.35	12.21	3.31	6.27	7.37
19	AHAD	1 ZULKAEDA	4.43	4.53	6.12	6.35	12.21	3.32	6.27	7.37
20	ISNIN	2	4.43	4.53	6.12	6.35	12.20	3.32	6.27	7.37
21	SELASA	3	4.43	4.53	6.12	6.34	12.20	3.32	6.27	7.37
22	RABU	4	4.42	4.52	6.11	6.34	12.20	3.33	6.27	7.37
23	KHAMIS	5	4.42	4.52	6.11	6.34	12.20	3.33	6.26	7.37
24	JUMAAT	6	4.41	4.51	6.11	6.33	12.20	3.33	6.26	7.37

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
	SABTU	AHAD	ISNIN
Bandar Seri Begawan	34 25 °C	34 25 °C	33 26 °C
Pekan Bangar	33 25 °C	33 25 °C	32 26 °C
Pekan Tutong	33 25 °C	33 25 °C	33 26 °C
Kuala Belait	34 26 °C	34 26 °C	33 26 °C

Wallaahuatam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
www.mef.gov.bn

SIDANG PENGARANG 18 APRIL 2026

Kesihatan aset paling berharga dalam hidup

RAMAI antara kita hanya mula menghargai tubuh badan apabila sakit menimpa, sedangkan kesihatan yang baik adalah asas kepada segala kebahagiaan dan kejayaan dalam hidup. Menghargai kesihatan bermula dengan kesedaran bahawa tubuh badan kita adalah anugerah yang perlu dijaga. Amalan menjaga kesihatan sebenarnya mudah tetapi sering diabaikan. Malah ada yang berfikir, jika tidak terasa sakit mereka beranggapan tidak perlu untuk berusaha untuk menjaga kesihatan.

Dalam Islam menjaga kesihatan bukan sekadar keperluan fizikal, bahkan ia adalah tuntutan agama yang diberi ganjaran pahala. Tubuh yang sihat membolehkan seseorang melaksanakan ibadah dengan sempurna - sembahyang dengan khusyuk, puasa dengan istiqamah, zakat dengan ikhlas dan haji dengan kemampuan fizikal yang baik.

Menjaga kesihatan bermula dari menjaga pemakanan. Pemakanan seimbang dengan pengambilan sayur-sayuran, buah-buahan, serta kawalan gula dan garam adalah langkah asas. Tidur yang cukup antara tujuh hingga lapan jam setiap malam membantu tubuh membaiki sel-sel yang rosak. Aktiviti fizikal seperti berjalan kaki, bersenam atau bersenam sekurang-kurangnya 30 minit sehari mampu mengurangkan risiko pelbagai penyakit kronik.

Selain fizikal, kesihatan mental juga perlu diberikan perhatian serius. Tekanan akibat kerja, masalah kewangan, atau hubungan sosial boleh menjejaskan sistem imun. Meluangkan masa untuk bersantai, beribadah atau melakukan hobi adalah cara menghargai kesihatan mental. Mencegah lebih baik daripada mengubati.

Pemeriksaan kesihatan secara berkala dapat mengesan penyakit awal sebelum menjadi serius. Jangan menunggu simptom muncul baru kita bertindak. Kos rawatan perubatan yang tinggi seharusnya menjadi peringatan bahawa menjaga kesihatan hari ini jauh lebih murah daripada mengubati penyakit esok.

Kesihatan yang terjaga bukan sahaja menjauhkan kita dari penyakit, malah membuka ruang untuk menjalani kehidupan yang lebih bermakna. Apabila tubuh dan minda berada dalam keadaan optimum, setiap hari terasa seperti peluang berharga untuk melakukan kebaikan, mencapai impian, dan memberi manfaat kepada orang lain.

Kehidupan yang bermakna bermula dengan kemampuan untuk hadir sepenuhnya. Orang yang sihat dapat menikmati saat-saat istimewa bersama keluarga seperti bermain dengan anak-anak di taman, menemani ibu bapa ke pasar atau sekadar berbual panjang tanpa rasa letih.

Orang yang sihat juga mampu bekerja dengan produktif, membantu jiran yang memerlukan serta menyumbang tenaga dan idea untuk masyarakat. Inilah makna hidup yang sebenar: bukan sekadar wujud, tetapi memberi impak positif.

Akhir kata, mulakan hari ini dengan komitmen untuk menghargai kesihatan. Jangan biarkan penyesalan datang apabila tubuh sudah tidak berdaya. Ingatlah, kesihatan adalah pelaburan terbaik yang tidak akan merugikan kita. Hargailah ia sepenuh hati sebelum terlambat. - **Ketua Penyuntingan (Nr)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتري دان دجيتق اوله قرینت قلس سنديرين برحد، نکارا بروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Berkenan menerima mengadap, junjung ziarah bakal jemaah haji

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hasif Matzin, Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda baginda berkenan berangkat ke Majlis Mengadap dan Junjung Ziarah (atas dan kiri).

>> Muka 1

Berangkat sama, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri

Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Pada majlis yang berlangsung di Baitur Rahmah, Istana Nurul Iman hari ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap dan junjung ziarah daripada seramai 993 orang bakal jemaah haji, terdiri daripada 481 orang bakal jemaah haji lelaki dan 512 orang bakal jemaah haji perempuan.

>> Muka 4



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda baginda berkenan menerima junjung ziarah pada majlis berkenaan.



SEBELUM Majlis Mengadap dan Junjung Ziarah, para bakal jemaah haji negara menunaikan Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah dan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah (atas dan bawah kiri), manakala gambar bawah, para bakal jemaah haji semasa membuat pendaftaran.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda baginda berkenan menerima mengadap dan junjung ziarah daripada bakal jemaah haji lelaki dan bakal jemaah haji perempuan (atas, kanan dan bawah).



>> Muka 3

Jumlah tersebut termasuk Pegawai Pejabat Urusan Jemaah Haji Negara Brunei Darussalam (Pentadbiran dan Perubatan) serta Pegawai Pengiring daripada Syarikat-syarikat Pengendali Perkhidmatan Pakej Haji.

Terdahulu, sebelum Majlis Mengadap dan Junjung Ziarah, para bakal jemaah haji negara telah menunaikan Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah yang diimamkan oleh Awang Omardi bin Haji Abu Bakar, diikuti dengan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah diimamkan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Awang Ahmad Muzhafar bin Haji Marsidi.

Pada majlis tersebut, bakal jemaah haji Negara Brunei Darussalam bagi Musim Haji Tahun 1447H / 2026M telah menerima Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berupa pakaian

BAKAL jemaah haji menerima Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia berupa pakaian ihram bagi bakal jemaah haji lelaki (bawah kiri), manakala gambar kiri, kanan dan bawah kanan, suasana semasa berlangsungnya majlis berkenaan.

ihram bagi bakal jemaah haji lelaki dan telekung bagi bakal jemaah haji perempuan sebagai tanda keprihatinan baginda terhadap kebajikan jemaah haji negara yang akan menunaikan Rukun Islam Kelima.

Bagi musim haji tahun ini, seramai 1,020 jemaah bakal menunaikan fardu haji di mana sebanyak tujuh buah Syarikat Pengendali Perkhidmatan Pakej Haji telah dilantik bagi menguruskan perjalanan dan kebajikan jemaah, iaitu Darussalam Services Sdn. Bhd. (DSSB), Straits Central Agencies Sdn. Bhd. (SCA), At-Taqwa Travel Tours Sdn. Bhd., Titian Travel and Tours Sdn. Bhd., Dar El-Ehsan Travel Sdn. Bhd., Al-Hijrah Travel and

Tours Sdn. Bhd. dan Balurih Travel Sdn. Bhd.

Penerbangan bakal jemaah haji negara akan bermula pada Isnin, 4 Mei 2026 pada jam 12.00 tengah hari bagi penerbangan pertama, diikuti tiga hari berikutnya bagi penerbangan kedua, ketiga dan keempat sehingga 7 Mei nanti.

Kita doakan agar dipermudahkan segala urusan sekalian para *duyufurrahman* kita dan sempurna melaksanakan segala perkara rukun haji serta memperoleh haji yang mabrur, kesihatan yang baik serta pergi dan balik dengan sihat walafiat dan selamat sejahtera hendaknya. *Amin Ya Rabbal Alamin.*



MAJLIS SANTAP TENGAH HARI RAIKAN LAWATAN KERJA PM AUSTRALIA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bersama Perdana Menteri Australia, The Honourable Anthony Albanese MP bagi menghadiri Majlis Santap Tengah Hari. Berangkat sama ialah kerabat diraja (atas, kiri dan bawah).

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 April. – Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bersama Perdana Menteri Australia, The Honourable Anthony Albanese MP bagi menghadiri Majlis Santap Tengah Hari yang diadakan bagi meraikan Lawatan Kerja Perdana Menteri Australia ke Negara Brunei Darussalam (NBD) selama dua hari pada 14 hingga 15 April 2026.

Berangkat sama pada Majlis Santap Tengah Hari yang berlangsung di Baiturrahmah, Istana Nurul Iman berkenaan ialah kerabat diraja serta delegasi rasmi Australia.

Ini adalah lawatan kali pertama The Honourable Perdana Menteri Australia ke NBD dan lawatan berkenaan memberikan peluang berharga kepada kedua-dua pemimpin untuk membincangkan dan mengesahkan semula bidang-bidang yang mempunyai kepentingan bersama, sejurus melambangkan penguatan kerjasama antara NBD dan Australia.

Hubungan dua hala antara NBD dan Australia telah ditubuhkan pada 20 Mei 1984, dengan 2024 menandakan Ulang Tahun Ke-40 Penubuhan Hubungan Diplomatik antara kedua-dua buah negara.



Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin

Sejak itu, hubungan berkenaan telah meningkat kepada Perkongsian Komprehensif berikutan pemeteraian Joint Declaration on the Comprehensive Partnership antara kedua-dua buah negara pada 19 Jun 2023, semasa Keberangkatan Negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Australia.

NBD dan Australia sudah menikmati kerjasama yang kukuh

dalam sektor-sektor utama termasuk perdagangan, tenaga, pertahanan, kesihatan dan pendidikan. Perkongsian Komprehensif akan meningkatkan lagi hala tuju strategik hubungan pada tahun-tahun akan datang.

Sebagai Rakan Dialog ASEAN, perkongsian strategik antara Australia dan ASEAN juga menyediakan asas yang kukuh untuk mengembangkan lagi hubungan dua hala tersebut.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bersalaman dengan Perdana Menteri Australia (atas), manakala gambar kiri, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan kerabat diraja berkenan melambai mesra kepada Perdana Menteri Australia setelah selesai menghadiri majlis berkenaan. Sementara gambar bawah, antara yang hadir pada majlis tersebut.



BIDANG TENAGA, KESELAMATAN MAKANAN PENTING UNTUK PERTUMBUHAN EKONOMI



Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin

>> Muka 1

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal

Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah demikian pada Mesyuarat Dua Hala yang



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menandatangani Brunei Darussalam – Australia Joint Statement on Energy and Food Security bersama Perdana Menteri Australia (atas dan bawah). Manakala gambar bawah kanan dan bawah sekali, berangkat sama, paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri. Turut hadir, delegasi rasmi Australia.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengadakan Mesyuarat Dua Hala bersama Perdana Menteri Australia, The Honourable Anthony Albanese MP (atas dan atas kiri).

diadakan di Baitul Mesyuarah, Istana Nurul Iman.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seterusnya bertitah menekankan hubungan rapat Negara Brunei Darussalam dan Australia dalam perdagangan, pertahanan, pendidikan dan pertukaran rakyat.

Dalam titah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga menekankan bahawa Perkongsian Komprehensif Brunei-Australia memastikan kesinambungan persahabatan dan hubungan antara kedua-dua negara.

Baginda juga bertitah menyatakan bahawa tenaga dan keselamatan makanan sebagai bidang penting untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi.

Kedua-dua pemimpin juga bertukar pandangan mengenai isu-isu serantau dan antarabangsa yang menjadi kepentingan bersama, menyentuh Hubungan Dialog ASEAN-Australia, perkembangan di Republik Kesatuan Myanmar, Timur Tengah dan Laut China Selatan.

Sejurus selepas Mesyuarat



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah.

Dua Hala tersebut, Kebawah DYMM berkenan menandatangani Brunei Darussalam – Australia Joint Statement on Energy and Food Security bersama The Honourable Perdana Menteri Australia.

Berangkat sama, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang

Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Turut hadir ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad, selaku Menteri Pengiring; serta delegasi rasmi Australia.



KEBAWAH DYMM MENERIMA MENGADAP PM AUSTRALIA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Perdana Menteri Australia, The Honourable Anthony Albanese MP (atas dan kiri).

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 April. – Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hari ini berkenan menerima mengadap Perdana Menteri Australia, The Honourable Anthony Albanese MP yang berada di Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi Lawatan Kerja selama dua hari pada 14 hingga 15 April 2026.

Majlis Mengadap berkenaan berlangsung di Cheradi Laila Kenchana, Istana Nurul Iman.

Berangkat sama ke Majlis Mengadap berkenaan ialah paduka-paduka anakanda dan

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bergambar dan bersalaman bersama Perdana Menteri Australia (kanan dan kanan sekali). Sementara gambar bawah, antara yang berangkat dan hadir pada majlis berkenaan.

adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM); Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat

Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna,

Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Turut hadir, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad, selaku Menteri Pengiring; serta delegasi rasmi Australia.



MEMPERKASA PROFESIONAL HR, PEMIMPIN PERNIAGAAN BERSEEDIA HADAPI MASA HADAPAN

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

GADONG, Rabu, 15 April. - Brunei Institute of Leadership & Islamic Finance (BILIF) pagi tadi menganjurkan acara HR Symposium, bertempat di The Rizqun International Hotel.

Simposium yang bertemakan 'Workforce of the Future : Agile. Resilient. Evolved' berkenaan bertujuan untuk memperkasa para profesional Sumber Manusia (HR) dan pemimpin perniagaan dengan pandangan serta strategi praktikal bagi membina tenaga kerja yang tangkas, berdaya tahan dan bersedia menghadapi masa hadapan.

Berkenaan berangkat menyertai simposium berkenaan, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Acara berkenaan dihadiri oleh ahli-ahli profesional daripada HR dari sektor kerajaan dan swasta.

Acara dimulakan dengan sembah alu-aluan oleh Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif BILIF, Awang Haji Afero Eswandy bin Awang Haji Mohamad yang antara lain menegaskan bahawa walaupun tempat kerja kini berubah dengan pantas melalui penggunaan Kecerdasan

Buatan (AI), kerja hibrid dan perubahan jangkaan, kejayaan sebenar tetap bergantung kepada manusia, bukan teknologi semata-mata.

Beliau menjelaskan bahawa organisasi yang berjaya ialah yang mempunyai minda yang betul, adaptif, berdaya tahan dan terbuka kepada perubahan seiring dengan peranan kerja yang semakin berkembang serta keperluan kemahiran baharu.

Selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035, beliau menyeru kepada pelaburan berterusan dalam pembangunan bakat dan keupayaan pembelajaran, di samping menekankan peranan HR yang kini melangkaui fungsi tradisional kepada membina 'Human Relationship' atau 'Hubungan Insan' dan keupayaan organisasi.

Awang Haji Afero Eswandy turut menggalakkan para pemimpin untuk belajar merentasi industri dan mengingatkan bahawa walaupun strategi menetapkan hala tuju, kapasiti insan yang menentukan kejayaan sebenar serta hasil transformasi.

Acara diteruskan dengan dua sesi pembentangan, diikuti dengan sesi perbincangan panel.

Pembentangan pertama bertajuk 'AI and Workforce Design : The UOB Experience' telah disampaikan oleh Pengarah Urusan Sumber Manusia di United Overseas Bank, Republik Singapura, Vikas Verma.



SEMBAH alu-aluan oleh Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif BILIF, Awang Haji Afero Eswandy bin Awang Haji Mohamad.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berangkat menyertai simposium berkenaan.

Manakala pembentangan kedua bertajuk 'Champion's Mindset : Sustaining Excellence Through Resilience' telah disampaikan oleh Mohammad Ahsan, juara tiga kali BWF World Championships, pemenang Thomas Cup, dan dua kali juara All-England Open Badminton Championships.

Sementara itu, sesi perbincangan panel bertajuk 'Creating Strategic Advantages with Agile, Resilient and Evolved Workforce' telah dimoderator oleh Ketua Perkhidmatan Korporat di BILIF, Nur Rizqin Sabri.

Ahli-ahli panel terdiri daripada Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif BILIF; Pengarah Urusan and Ketua Pegawai Eksekutif, Syarikat Takaful Brunei Darussalam, Takaful Brunei AM and Takaful Brunei Keluarga, Awang Haji Shahrildin bin Pehin Orang Kaya Lela Utama Dato Paduka Haji Jaya; dan Ketua Group Sumber Tenaga Manusia dan Pentadbiran, Baiduri Bank

Berhad, Veronica Chong dan Pengarah Urusan, Sumber Tenaga Manusia, United Overseas Bank, Republik Singapura, Vikas Verma.

Pada sebelah petang, sesi *fireside chat* bersama Awang Mohammad Ahsan telah dimoderator oleh Ketua Pembangunan Profesional BILIF, Dayang Ida Nazrena binti Haji Bujang.

Program diteruskan dengan pembentangan bertajuk 'Workforce Evolution in Action : Rewiring Work, Careers and Trust for 2026 and Beyond' yang disampaikan oleh Associate Trainer, The Society Human Resource Management (SHRM), Mayank Parekh yang juga merupakan mantan Ketua Pegawai Eksekutif Institute for Human Resource Professionals (IHRP).

Simposium berkenaan diakhiri dengan satu sesi perbincangan panel bertajuk 'Workforce Evolution in Action' yang dimoderator oleh Ketua Client Solutions, BILIF, Awang

Mohammad Hanizam bin Mohd. Alidin.

Ahli-ahli panel terdiri daripada Pengarah Majlis Perancangan Tenaga Manusia dan Pekerjaan (MPEC), Pengiran Hajah Nurul Ihsan binti Pengiran Haji Damit; Naib Presiden Kanan, Pengurusan Modal Insan di Unified National Networks, Awang Yazdi Yahya; Ketua Jabatan pembangunan Modal Insan, Darussalam Assets Sdn. Bhd., Pengiran Nurahlina binti Pengiran Haji Alli; dan Mayank Parekh.

BILIF, sebagai sebuah pusat kecemerlangan bagi industri kewangan di negara ini, sentiasa giat menjalankan misinya untuk membentuk pemimpin, pakar, dan pemacu inovasi masa depan terutamanya dalam bidang kewangan Islam dan kepimpinan melalui program dan acara bertaraf antarabangsa.

Maklumat lanjut mengenai BILIF boleh didapati melalui laman sesawang BILIF di www.bilif.com.bn atau akaun Instagram @BILIF.bn.



TUMPUKAN PERHATIAN PADA JALAN RAYA, JAUHI TELEFON BIMBIT.

WATCH THE ROAD, KEEP YOUR MOBILE PHONE AWAY.

Road Safety Depends on #YouAndMe



TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Kesedaran Autisme Dalam Masyarakat Moden'. Tarikh Tutup : 22 April 2026
2. 'Peranan Masyarakat Dalam Melindungi Kemudahan Awam'. Tarikh Tutup : 29 April 2026
3. 'Nilai Masa Dalam Membentuk Kejayaan Individu'. Tarikh Tutup : 6 Mei 2026

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

pelita.brunei@information.gov.bn

**Menangi
BND75**

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

PM AUSTRALIA BERLEPAS MENINGGALKAN NBD



PERDANA Menteri Australia, The Honourable Anthony Albanese MP serta rombongan berlepas meninggalkan negara setelah menamatkan Lawatan Kerja selama dua hari (atas dan kanan).



diadakan bagi meraikan Lawatan Kerja The Honourable Perdana Menteri Australia.

Hubungan rapat Negara Brunei Darussalam dan Australia telah lama terjalin sejak bulan Mei 1984, di mana kedua-dua buah negara bekerjasama secara meluas dalam bidang perdagangan dan pelaburan, tenaga, akuakultur dan pertanian serta pertahanan.



PERDANA Menteri Australia semasa bersalaman sebelum meninggalkan Negara Brunei Darussalam.

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 April. - Perdana Menteri Australia, The Honourable Anthony Albanese MP serta rombongan berlepas meninggalkan negara petang tadi setelah menamatkan Lawatan Kerja selama dua hari.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei untuk mengucapkan selamat berlepas ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad selaku Menteri Pengiring; Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof; Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan; Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei, Dato Seri Pahlawan Awang Sulaiman bin Alidin; dan Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Michael Hoy.

Semasa Lawatan Kerja berkenaan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menerima mengadap Perdana Menteri Australia dan seterusnya mengadakan Mesyuarat Dua Hala disusuli dengan penandatanganan Brunei Darussalam - Australia Joint Statement on Energy and Food Security.

Majlis Santap Tengah Hari juga

BFI menerima kunjungan Perdana Menteri Australia

Oleh : Aimi Sani
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



SUNGAI LIANG, Rabu, 15 April. - Brunei Fertilizer Industries Sdn. Bhd. (BFI) hari ini mengalu-alukan ketibaan Perdana Menteri Australia, The Honourable Anthony Albanese MP sempena Lawatan Kerja ke Negara Brunei Darussalam (NBD) termasuk kunjungan ke loji BFI yang terletak di Taman Perindustrian Sungai Liang (SPARK) di Daerah Belait.

Perdana Menteri Australia diiringi oleh Menteri Hal Ehwal Luar Australia, Senator the Honourable Penny Wong; dan Pesuruhjaya Tinggi Australia ke NBD, Tuan Yang Terutama Michael Hoy.

Turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri

Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, selaku Pengerusi BFI serta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad.

Semasa lawatan berkenaan, Perdana Menteri Australia melawat loji BFI dan mendapat gambaran langsung tentang skala, kecekapan dan teknologi canggih yang digunakan di salah satu kemudahan baja *single-train* terbesar di Asia Tenggara.

Lawatan berkenaan juga memberi peluang untuk meninjau papaian keselamatan BFI yang



PERDANA Menteri Australia, The Honourable Anthony Albanese MP mengadakan lawatan ke loji BFI yang terletak di Taman Perindustrian Sungai Liang (SPARK) di Daerah Belait (atas dan kiri).

kukuh serta melihat dengan lebih dekat rangkaian produk urea berbutir dan urea bersalut keluaran BFI.

Syarikat berkenaan kekal komited dalam menjadi pembekal produk baja berkualiti tinggi yang boleh dipercayai dan akan terus memainkan peranan penting dalam menyokong rantaian bekalan pertanian global dan mempromosi amalan pertanian lestari melalui pengenalan bekalan baja kecekapan yang dipertingkatkan atas permintaan, terutamanya pada masa ketidakpastian dan turun naik yang semakin meningkat dalam pasaran

global. Lawatan berkenaan juga menekankan hubungan yang kukuh dan berkekalan antara NBD dan Australia dengan komitmen bersama untuk meningkatkan kerjasama dalam perdagangan, keselamatan makanan dan bidang kepentingan bersama yang lain. Di samping itu, majlis berkenaan turut mengetengahkan kepentingan syarikat yang semakin meningkat sebagai pengeksport utama urea dan rakan strategik kepada Australia. BFI menzahirkan rasa berbesar hati menerima kunjungan Perdana Menteri Australia dan berharap dapat

mengukuhkan lagi hubungan berkenaan serta memupuk kerjasama yang lebih erat untuk tahun-tahun akan datang.

BFI merupakan loji ammonia dan urea utama negara dan juga merupakan salah satu loji baja tunggal terbesar di Asia Tenggara. Ditubuhkan pada Oktober 2013 dan dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan NBD, loji canggih BFI terletak di tapak seluas 55 hektar di Taman Perindustrian Sungai Liang di Daerah Belait dan mengkhusus dalam perolehan, pengeluaran, pengedaran, jualan dan pemasaran baja nitrogen dan bahan kimia perindustrian.

MEMPERKUKUHKAN AKIDAH, JATI DIRI, KESEJAHTERAAN UMAT ISLAM



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penandatanganan dan Doa Kesyukuran Projek Mushaf Brunei Darussalam dan Tafsirannya bertempat di Dewan Sutra, Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong (atas dan bawah kanan).

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

>> Muka 1

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dalam ucapannya antara lain menyatakan, usaha penterjemahan mushaf negara yang mula dilaksanakan pada bulan Jun 2007 dan jilid pertamanya yang mengandungi juz 1-3 telah berjaya diterbitkan.

Tambah Yang Berhormat, ia seterusnya telah dilancarkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin

Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran pada 17 Ramadan 1430 Hijrah bersamaan 6 September 2009 Masihi.

Maka kata Yang Berhormat, ternyata usaha menyelesaikan terjemahan 30 juz selengkapnya telah memakan masa hampir enam tahun (Jun 2007-Julai 2013).

Menurut Yang Berhormat lagi, projek tafsiran ini menjadi sangat

penting apabila ia merupakan hasrat yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semenjak tahun 2013 melalui perutusan baginda dalam terbitan Mushaf Brunei Darussalam dan maknanya yang lengkap tiga puluh juz setebal lebih 1,600 muka surat, iaitu supaya usaha selanjutnya dilakukan oleh anak tempatan menghasilkan tafsiran huraian terjemahan mushaf yang telah diterbitkan.

Jelas Yang Berhormat, baginda maklum ia suatu usaha yang akan memakan waktu dan kegigihan dan azam, insyaaAllah akan berhasil.

"Oleh itu, PDI telah berikhtiar dengan mendapatkan tenaga-tenaga tambahan bagi mempercepat proses penyusunan dan semakan rang tafsiran. Satu pasukan kerja tambahan untuk itu telah didapatkan bersama dengan dua orang pegawai yang kesemua sementara untuk satu jangka waktu yang ditetapkan dengan diketuai oleh dua orang pegawai, seorang untuk mengetuai pasukan khas itu dan seorang lagi sebagai penolongnya. Mereka juga bertugas secara sementara untuk satu tempoh yang pendek.

"Langkah berani PDI ini saya akui sebagai langkah yang tepat bagi suatu *tasking* atau taklif untuk menyampaikan hajat mempercepat penyediaan rang tafsir yang juga melalui proses yang sama sebelum dimuktamadkan sebagai tafsiran yang terpakai bagi terbitan Mushaf Brunei Darussalam dan Tafsirannya yang kita syukuri ketersediaannya, yakni kesesuaiannya untuk diterbitkan lengkap 30 juz dengan acara majlis

yang kita hadiri ini," ujar Yang Berhormat lagi.

Acara kemudiannya diteruskan dengan sesi penandatanganan pengesahan penelitian oleh Panel Masyaikh sebagai simbolik kepada selesainya proses penelitian tafsiran tersebut.

Majlis juga diserikan lagi dengan tayangan video pendek projek serta penyampaian sijil penghargaan kepada pihak-pihak yang terlibat, dan diakhiri dengan bacaan Doa Kesyukuran.

Projek Mushaf Brunei Darussalam dan Tafsirannya merupakan usaha berterusan KHEU sejak tahun 2007 dalam menghasilkan tafsir Al-Quran yang komprehensif dan sesuai dengan konteks masyarakat di negara ini.

Projek ini diperkukuhkan lagi pelaksanaannya oleh Urus Setia Penerbitan Tafsir Mushaf Brunei Darussalam, PDI selepas kejayaan penerbitan Mushaf Brunei Darussalam dan Terjemahannya pada Mei 2013.

Dalam menjayakan projek ini, seramai 20 orang penyusun tafsir yang terdiri daripada lepasan Universiti Al-Azhar, Republik Arab Mesir dalam bidang Usuluddin telah terlibat, termasuk penyusun tetap serta penyusun draf tafsir

secara berkontrak.

Penyusunan tafsir dilaksanakan secara berperingkat melalui beberapa peringkat utama, termasuk perbincangan redaksi, penyemakan oleh agensi-agensi berkaitan dan penelitian oleh Panel Masyaikh.

Setakat ini, sebanyak 20 juz telah berjaya diterbitkan, iaitu Juz 1 hingga Juz 19 dan Juz 30, manakala keseluruhan tafsiran lengkap 30 juz telah selesai melalui proses penelitian oleh Panel Masyaikh pada Februari 2026.

Majlis ini diadakan sebagai tanda penghargaan kepada semua pihak yang telah menyumbang dalam menjayakan projek berkenaan, di samping memohon keberkatan serta kelancaran bagi proses pencetakan dan penerbitan tafsiran Mushaf Brunei Darussalam dan Tafsirannya sehingga lengkap 30 juz.

Adalah diharapkan agar penerbitan tafsir ini akan menjadi rujukan penting dalam membantu umat Islam memahami, menghayati serta mengamalkan isi Al-Quran dalam kehidupan seharian, seterusnya memperkukuhkan akidah dan jati diri serta kesejahteraan umat Islam di Negara Brunei Darussalam.



SEBAHAGIAN daripada para hadirin pada majlis tersebut (kiri).



16 Pegawai PPDB dinaikkan pangkat

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

GADONG, Rabu, 15 April. - Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, seramai 16 pegawai dari Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) baru-baru ini telah dinaikkan pangkat yang berkuat kuasa bermula pada 8 April 2026.

Satu majlis bagi meraikan kenaikan pangkat pegawai-pegawai berkenaan telah berlangsung di Ruang Legar Paduka Seri, Mes Pegawai, Ibu Pejabat Polis, Gadong.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pesuruhjaya Polis, PPDB, Dato Seri Pahlawan Awang Sulaiman bin Alidin, bersama Yang Dipertua Pekerti, Datin Sabrina Aziemah binti Abdullah Chong.

Turut berangkat, Timbalan Pesuruhjaya Polis, PPDB, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Mohammed Saifullah bin Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris; bersama pengarah-pengarah, timbalan pengarah dan pegawai-pegawai kanan PPDB, serta ahli keluarga pegawai-pegawai yang diraikan.

Pegawai-pegawai yang diraikan terdiri daripada lima pegawai yang dinaikkan ke pangkat Ketua Inspektor (C/INSP) dan 11 orang yang dinaikkan ke pangkat Inspektor Kanan (SNR INSP).

Kenaikan pangkat berkenaan merupakan satu pengiktirafan terhadap usaha gigih dan sumbangan berterusan pegawai-pegawai dalam menjaga keamanan dan ketenteraman awam. Ia juga diharapkan dapat menjadi pemangkin semangat untuk terus berkhidmat dengan lebih cemerlang dan berintegriti.



PESURUHJAYA Polis, PPDB hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Kenaikan Pangkat berkenaan. Turut berangkat, Timbalan Pesuruhjaya Polis, PPDB, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Mohammed Saifullah bin Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris.

MOHON KEBERKATAN, PERLINDUNGAN ALLAH BAGI ROMBONGAN BI'THAH HAJI PERUBATAN

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 April. - Kementerian Kesihatan hari ini mengadakan Majlis Doa Selamat bagi rombongan Bi'thah perubatan haji dan bakal jemaah haji Kementerian Kesihatan bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi, bertempat di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Terdahulu, Ketua Rombongan Bi'thah Perubatan Haji bagi Musim Haji 1447H / 2026M, Dr. Haji Muhammad Nurhassanuddin bin Abdullah Kelali menjelaskan bahawa pada tahun ini kerajaan Arab Saudi telah mengekalkan kuota seramai 1,000 jemaah *duyufurrahman* bagi Negara Brunei Darussalam (NBD).

Menurut Dr. Haji Muhammad Nurhassanuddin, kesemua jemaah telah menjalani pemeriksaan kesihatan di klinik perubatan haji yang telah bermula di Daerah Tutong di Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah pada 10 November 2025, manakala di Daerah Temburong ialah di Hospital Pengiran Isteri Hajjah Mariam pada 11 Disember 2025, sementara di Daerah Belait pula di Hospital Seri Begawan pada 12 dan 29 November 2025, dan di Daerah Brunei dan Muara di Pusat Amal Cerah Sejahtera, Kampung Subok, bermula 13 November 2025 sehingga selesai.

Seperti mana tahun-tahun yang lepas katanya lagi, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan menghantar seramai 20 pegawai perubatan haji yang terdiri daripada enam doktor dan 14 jururawat serta paramedik untuk ditugaskan memeduli jemaah haji negara di tanah suci nanti.

Daripada jumlah 20 orang berkenaan tambahnya, seramai lapan pegawai perubatan haji akan diterbangkan sebagai *advance team*, insyaaAllah akan bertolak pada Isnin, 20 April 2026.

"*Advance team* membuat persiapan awal sebelum kedatangan jemaah haji NBD yang akan mula

berangkat pada 4 Mei nanti.

"*Advance team* akan membuat perundingan dengan pihak yang berwajib di Arab Saudi untuk mendapatkan lesen membuka klinik di Mekah dan di Madinah dan seterusnya menyediakan klinik dan perkhidmatan-perkhidmatan untuk para jemaah haji NBD nanti," ujarnya.

Dr. Haji Muhammad Nurhassanuddin seterusnya menjelaskan, beberapa persiapan awal telah pun dibuat untuk musim haji tahun ini, iaitu bermula dengan *health screening* kepada bakal jemaah-jemaah haji. Pada tahun ini, Kerajaan Arab Saudi telah menetapkan kriteria-kriteria kesihatan yang sangat ketat seperti para jemaah hendaklah sihat tubuh badan dan dapat mengerjakan Rukun-rukun Haji secara persendirian, tiada penyakit-penyakit kronik tahap lanjut (seperti *advance heart failure*, *advance renal failure* atau *liver failure*), penyakit demensia, atau masalah kesihatan yang menghadkan pergerakan jemaah.

Semua bakal jemaah katanya, telah pun melalui ujian darah dan pemeriksaan badan. Termasuk pemeriksaan jantung *electrocardiogram* (ECG) bagi bakal jemaah-jemaah haji yang berumur 40 tahun ke atas.

Tambahnya, tujuan utama adalah untuk memantapkan dan mengoptimalkan lagi tahap kesihatan bakal jemaah-jemaah haji dengan harapan mereka akan dapat melakukan ibadah haji dengan sempurna dan di dalam keadaan sihat walafiat.

"Persiapan tersebut termasuk mempersiapkan bakal pegawai-pegawai perubatan haji dengan kursus-kursus intensif bagi memantapkan lagi pengetahuan perubatan agar dapat memberikan perkhidmatan yang selamat, efektif dan efisien.

"Penggunaan platform masar nusuk yang diperkenalkan oleh Kerajaan Arab Saudi untuk *register* semua petugas dan jemaah haji, dan juga untuk *register* semua kontrak dan pembayaran secara talian, termasuk *medical contract* setiap petugas dan jemaah haji dimestikan mendapat

fitness certificate di dalam masar nusuk, yang mesti disahkan oleh dua orang ketua, iaitu ketua pegawai jabatan urusan haji dan ketua pegawai perubatan haji, sebelum visa haji dapat dikeluarkan," ujarnya.

Dalam usaha penambahbaikan perkhidmatan perubatan haji di tanah suci nanti, Dr. Haji Muhammad Nurhassanuddin menekankan, pasukan perubatan haji tahun ini akan cuba menggunakan *basic digital platform*, antaranya untuk memantau kehadiran jemaah ke klinik-klinik haji di tanah suci dan juga memantau penggunaan ubat-ubatan.

Platform digital berkenaan terangnya, telah dihasilkan oleh pegawai-pegawai perubatan haji sendiri selepas muzakarah. Selain daripada itu, langkah penjimatan dari segi perbelanjaan dan pengurangan pembaziran ubat-ubatan juga telah dibuat dengan membuat *medical contract* bersama Medex Healthcare Ltd. *Medical contract* berkenaan merangkumi penyewaan ambulans (termasuk pemandunya sekali), pengurusan sisa klinikal, dan pembelian ubat-ubatan di Arab Saudi.

"Pada tahun ini, sebanyak empat penerbangan yang akan membawa seramai 1,000 jemaah haji dan petugas haji NBD yang akan mendarat di Kota Madinah Al-Munawwarah, iaitu bermula dari 4 hingga 7 Mei nanti. Setiap penerbangan jemaah haji akan diiringi oleh tiga pegawai perubatan haji.

"Di tanah suci nanti, pasukan perubatan haji akan memberikan perkhidmatan 24 jam setiap hari dengan *on-call rotation* di sepanjang malam. Di Madinah, klinik perubatan haji NBD akan berpangkalan di Hotel Maden Al Rawda, manakala di Mekah akan ditempatkan di Hotel Snood Ajyad.

"Perkhidmatan klinik bergerak juga akan dibuat setiap hari di hotel-hotel di mana para jemaah NBD ditempatkan, iaitu tujuh buah hotel di Madinah, 14 buah hotel di Mekah dan tiga buah hotel di Jeddah," tambahnya lagi.

Dr. Haji Muhammad Nurhassanuddin menyatakan, pasukan perubatan haji (*medical haji team*) akan cuba memberikan perkhidmatan yang terbaik pada tahun ini dengan sikap bekerjasama, bantu membantu dan *inda camah mata* akan diterapkan di setiap



YANG Berhormat Menteri Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Doa Selamat bagi rombongan Bi'thah perubatan haji dan bakal jemaah haji Kementerian Kesihatan bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi.

pegawai-pegawai perubatan haji agar dapat memberikan perkhidmatan yang memuaskan kepada jemaah-jemaah haji NBD.

InsyaaAllah katanya lagi, semoga jemaah haji negara akan sentiasa sihat walafiat di bawah rahmat Allah Subhanahu Wata'ala dan dikurniakan haji yang mabrur.

Majlis selanjutnya diteruskan dengan penyampaian surat lantikan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan kepada rombongan Bi'thah haji perubatan dan sumbangan derma kepada bakal jemaah haji seramai 35 penerima yang terdiri daripada tujuh lelaki dan 28 perempuan daripada pegawai dan kakitangan Kementerian Kesihatan.

Setelah itu, diikuti dengan penyerahan Sijil Perlindungan Skim Takaful Duyufur Rahman dari Insurans Islam General Takaful Sdn. Bhd. dan cenderamata bagasi khas dari Darussalam Holdings Sdn. Bhd. bagi rombongan pegawai perubatan haji Kementerian Kesihatan bagi Tahun 1447H / 2026M.

Pada tahun ini, seramai 20 pegawai perubatan haji yang mengikuti rombongan, terdiri daripada enam pegawai perubatan dan 14 pegawai kejururawatan.

Seperti lazimnya, sebahagian daripada pegawai-pegawai perubatan haji ini akan bertolak lebih awal dan yang lainnya akan

mengiringi jemaah di setiap penerbangan.

Turut hadir, Pemangku Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan, Dr. Dayang Hajah Rafidah binti Haji Gharif; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Awang Rudy bin Haji Harun; Penolong Pengarah Urusan Darussalam Holdings Sdn. Bhd., Pengiran Hajah Noraini binti Pengiran Haji Sablon; Pemangku Pengarah Urusan Insurans Islam General Takaful Sdn. Bhd., Dayang Zamzaipa binti Haji Ismail; ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, serta pegawai dan kakitangan Kementerian Kesihatan.

Adapun majlis berkenaan diadakan adalah bagi memohon keberkatan dan perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala supaya seluruh ahli rombongan Bi'thah haji perubatan dan bakal jemaah haji diberi keselamatan, kesihatan dan kekuatan sepanjang menjalankan ibadah haji, meraikan dan memberi tanda penghargaan atas amanah yang akan dipikul oleh Bi'thah perubatan serta mengiktiraf bakal jemaah atas rezeki menjadi tetamu Allah Subhanahu Wata'ala, serta memohon semoga segala tugas kesihatan dan perkhidmatan yang akan dilaksanakan, dipermudahkan dan berjalan dengan lancar serta penuh hikmah.

Kemudahan Learning Ladders Society dinaik taraf

Siaran Akhbar dan Foto: Jerudong Park Medical Centre

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 17 April. - Jerudong Park Medical Centre (JPJC) hari ini mencatat satu pencapaian bermakna dalam Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) dengan penyediaan dan penyerahan kemudahan yang telah dinaik taraf di Learning Ladders Society, sekaligus memperkukuhkan keupayaan pusat tersebut dalam menyediakan program intervensi awal berstruktur serta sokongan perkembangan untuk kanak-kanak autisme dan keperluan berkaitan.

Pencapaian ini bertepatan dengan Sambutan Hari Raya yang dianjurkan oleh Learning Ladders Society, mewujudkan suasana mesra dan inklusif untuk berinteraksi bersama kanak-kanak, keluarga, ahli terapi serta rakan kerjasama, di samping mencerminkan komitmen bersama dalam membina persekitaran yang menyokong perkembangan kemahiran komunikasi, sosial dan berdikari bagi setiap kanak-kanak.

Hadir selaku tetamu kehormat

ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, selaku Pengerusi Lembaga Pengarah dan Pengarah Eksekutif JPJC.

Inisiatif naik taraf ini menyokong peranan Learning Ladders Society sebagai salah satu pusat komuniti yang telah lama berkhidmat di Negara Brunei Darussalam dalam menyediakan program intervensi berasaskan bukti, termasuk terapi berstruktur, persediaan ke alam persekolahan serta perkhidmatan sokongan keluarga bagi kanak-kanak dalam spektrum autisme.

Penambahbaikan persekitaran fizikal ini meningkatkan penyampaian program dengan memastikan ruang terapi lebih selamat, berfungsi dan sesuai dengan keperluan pelajar serta ahli terapi.

Kerja-kerja penambahbaikan ini dilaksanakan dengan kerjasama beberapa rakan strategik yang menyumbang kepada pembaikan

infrastruktur dan penambahbaikan dalaman.

Antaranya ialah Arkitek Urusreka, Armada Properties, McHouse Interior Decor, Power Teck Engineering, Enercon Services, DHJ Electrical Engineering, TSK Sdn. Bhd., Trane Aire, Makan Ceria dan Castle Sanware.

Sokongan bersama ini mencerminkan komitmen kolektif dalam memperkukuhkan perkhidmatan perkembangan berasaskan komuniti untuk kanak-kanak di Brunei.

Para tetamu turut dibawa melawat ruang terapi dan aktiviti yang telah dinaik taraf, bagi memberikan gambaran jelas bagaimana penambahbaikan ini secara langsung menyokong pelaksanaan intervensi serta rutin pembelajaran harian di pusat tersebut.

JPJC memaklumkan bahawa inisiatif seperti ini merupakan sebahagian daripada komitmen berterusan mereka dalam menyokong penjagaan kesihatan inklusif dan kesejahteraan



YANG Berhormat Menteri Kesihatan selaku Pengerusi Lembaga Pengarah dan Pengarah Eksekutif JPJC hadir selaku tetamu kehormat pada acara Sambutan Hari Raya yang dianjurkan oleh Learning Ladders Society.

komuniti, khususnya bagi kanak-kanak yang memerlukan sokongan perkembangan khusus.

Pencapaian ini turut menekankan kepentingan kerjasama antara institusi

kesihatan, penyedia perkhidmatan profesional dan organisasi komuniti dalam memperkukuhkan laluan sokongan awal bagi kanak-kanak autisme serta keluarga mereka di seluruh negara.

PERKUKUH AGENDA TRANSFORMASI DIGITAL

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



>> Muka 1

Melalui kerjasama strategik tersebut, Comquest Sdn. Bhd. dan Dynamik Technologies kini berupaya menyediakan infrastruktur yang memenuhi keperluan penyimpanan data tempatan serta prestasi kependaman rendah (*low-latency*), yang diperlukan oleh sektor-sektor yang dikawal selia ketat dan landskap teknologi negara yang semakin berkembang.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia

Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha yang menekankan kepentingan usaha ini dalam menyokong matlamat Wawasan Brunei 2035.

Selepas ucapan pembukaan oleh Pengarah (Pembangunan Perniagaan), Comquest Sdn. Bhd., Dayang Amalina Diyana binti Dato Paduka Haji Mohd. Daud, sesi diteruskan dengan penyampaian sesi Industry Insights oleh Ketua Pembangunan Perniagaan, Dynamik Technologies, Albert WY Hwong yang memfokuskan bagaimana model awan tempatan ini menyokong penguasaan digital negara dan ketahanan ekonomi.

Program turut menampilkan perkongsian kejayaan serantau, antaranya oleh Xtremax mengenai usaha meningkatkan keanjalan sistem awan kerajaan Republik Singapura.

Sementara itu, Imagine Sdn. Bhd. membentangkan *customer showcase* bertajuk 'Art of the Possible' yang memperlihatkan impak sebenar penggunaan teknologi awan melalui kepakaran tempatan.

Antara kemuncak acara ialah pelancaran eksklusif AWS AI-Factories, yang memberi peluang kepada para peserta melihat secara langsung

keupayaan AI generasi baharu serta potensi inovasi yang semakin berkembang di rantau ini.

Kerjasama strategik menjadi teras utama acara ini, yang diserlahkan melalui pemeteraian beberapa perjanjian penting. Antaranya termasuk Memorandum Persefahaman antara Comquest Sdn. Bhd. dan Dynamik Technologies, Perjanjian Kerjasama antara Comquest Sdn. Bhd. dan Xtremax serta Perjanjian Perkhidmatan antara Comquest Sdn. Bhd. dan Imagine Sdn. Bhd. Kesemua perjanjian ini mencerminkan komitmen bersama dalam memperluas penggunaan teknologi awan serta memacu pertumbuhan ekosistem digital Brunei.

Sesi pagi turut menampilkan perbincangan panel bertajuk 'From Bandwidth to Breakthroughs: Accelerating Brunei's Digital Economy through Hybrid Cloud'.

Panel ini dikendalikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif ndpx dan Pengarah Comquest Sdn. Bhd., Hafiz Haslen dengan penyertaan pakar daripada Xtremax, AWS dan Dynamik Technologies.

Para panelis berkongsi pandangan mendalam mengenai cabaran pelaksanaan, sambil menegaskan bahawa kewujudan infrastruktur tempatan yang



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir selaku tetamu kehormat pada SYNAPSE 2026 Hybrid Cloud Day (atas), manakala gambar atas kiri, ucapan pembukaan oleh Pengarah (Pembangunan Perniagaan), Comquest Sdn. Bhd., Dayang Amalina Diyana binti Dato Paduka Haji Mohd. Daud.

selamat telah mengubah perbincangan daripada tahap kesiapsiagaan teori kepada keupayaan pelaksanaan berprestasi tinggi.

Acara tersebut diakhiri dengan penegekan semula komitmen bersama Comquest Sdn. Bhd. dan Dynamik Technologies dalam menyediakan asas kukuh bagi menyokong inovasi tempatan.

Melalui penyediaan platform yang membolehkan peralihan pantas daripada konsep kepada

pelaksanaan, kerjasama ini memperkasa organisasi merentasi pelbagai sektor untuk berinovasi dengan lebih cepat serta berkembang secara berkesan di atas asas yang selamat dan bertaraf dunia.

Komitmen ini memastikan Brunei kekal sebagai ekonomi digital yang berdaya tahan, bersedia menghadapi masa depan serta menjadi hab penting kemajuan teknologi di rantau ini.

Pemeteraian MoU perkasa penggunaan *hybrid cloud*

JERUDONG, Khamis, 16 April. - Comquest Sdn. Bhd. dan Dynamik Technologies hari ini menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) strategik bagi memperkasa penggunaan *hybrid cloud* di Negara Brunei Darussalam, sekali gus menandakan satu pencapaian penting dalam usaha memperkukuh infrastruktur serta keupayaan digital negara.

Majlis penandatanganan tersebut berlangsung sempena SYNAPSE 2026, sebuah acara yang menampilkan keupayaan *hybrid cloud* dan inovasi teknologi digital.

Di bawah MoU berkenaan, kedua-dua syarikat akan memformalkan kerjasama strategik dalam menyediakan penyelesaian *hybrid cloud* dengan memanfaatkan AWS Outposts.

Pengurus Besar Comquest Sdn. Bhd., Gaurav Shrotriya berkata, penganjuran acara tersebut

bersama rakan ekosistem utama bertujuan memacu penggunaan *hybrid cloud* secara praktikal yang mengimbangi inovasi, penguasaan data serta daya tahan sistem.

"MoU ini mencerminkan penyelarasan strategik antara kekuatan yang saling melengkapi, iaitu kepakaran Comquest Sdn. Bhd. dalam *hybrid cloud* dan infrastruktur serta pemahaman mendalam Dynamik Technologies terhadap keperluan sektor awam dan perusahaan tempatan," katanya.

Beliau menambah bahawa kerjasama ini menjadi asas kukuh dalam menyediakan perkhidmatan *hybrid cloud* yang selamat dan berskala, di samping menyokong perjalanan transformasi digital Brunei secara berterusan.

Sementara itu, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Dynamik Technologies, Pengiran Noreen Afiza binti Pengiran Dato Paduka Haji Md. Zain berkata, syarikat

berkenaan telah menyokong pelanggan kerajaan dan industri dalam infrastruktur IT di premis (*on-premise*) selama 25 tahun.

Menurutnya, langkah syarikat untuk memperluas ke arah *commercial cloud* bersama Comquest Sdn. Bhd. dan AWS Outposts merupakan kesinambungan semula jadi kepada keupayaan sedia ada, sekali gus memperkenalkan model hibrid yang lebih bersepadu.

"Pendekatan ini akan membolehkan organisasi di Brunei memaksimumkan manfaat awan dan kecerdasan buatan dari segi kelajuan transaksi, pengurusan data serta *scalability* teknologi. Pada masa yang sama, ia turut membuka peluang kepada bakat tempatan dan usahawan untuk menembusi pasaran global," jelasnya.

SYNAPSE 2026 yang dianjurkan bersama oleh Comquest Sdn. Bhd.



MAJLIS penandatanganan tersebut berlangsung sempena SYNAPSE 2026, sebuah acara yang menampilkan keupayaan *hybrid cloud* dan inovasi teknologi digital.

dan Dynamik Technologies di The Empire Brunei menghimpunkan pihak berkepentingan daripada kerajaan, sektor swasta serta komuniti diplomatik bagi meneroka pendekatan praktikal dalam penggunaan *hybrid cloud*.

Acara tersebut turut menekankan peranan teknologi awan yang semakin penting sebagai asas kepada inovasi

berasaskan Kecerdasan Buatan merentasi pelbagai sektor.

Penganjuran SYNAPSE 2026 juga mengukuhkan kerjasama berterusan antara Comquest Sdn. Bhd., Dynamik Technologies dan AWS dalam memperluas keupayaan *hybrid cloud* serta menyokong fasa seterusnya transformasi digital di sektor awam dan swasta Brunei.

Semai rasa kegembiraan, penghormatan kalangan residen, penghuni KRK

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Pembangunan Masyarakat

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 17 April. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dengan kerjasama Kementerian Pembangunan telah mengadakan Majlis Ramah Mesra Bersama Residen dan Penghuni Kompleks Rumah Kebajikan (KRK) di bawah kendalian Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) sempena Hari Raya Aidilfitri 1447/2026 berlangsung di Dewan Digadong, KKBS.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad dan isteri.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dibacakan oleh Guru Ugama Tingkat II, KRK, Awang Haji

Nordin bin Haji Duraman.

Majlis turut diserikan dengan persembahan nyanyian daripada pegawai dan kakitangan, serta residen dan penghuni KRK.

Adapun tujuan diadakan adalah untuk mengeratkan hubungan silaturahim di antara para pegawai dan kakitangan kementerian bersama residen serta penghuni KRK dan rakan-rakan strategik KKBS.

Di samping itu, majlis ini diadakan bukan sahaja untuk mengeratkan silaturahim, malah bertujuan menyemai rasa kegembiraan dan penghormatan dalam kalangan residen dan penghuni KRK.

Turut hadir, isteri Menteri Pembangunan, Datin Fadzlin binti Haji Hashim; Setiausaha Tetap

(Kemasyarakatan), KKBS, Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap KKBS, Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong; ketua-ketua jabatan, wakil daripada Jabatan Kehakiman Negara, Pejabat Peguam Negara, Autoriti Industri Teknologi Infokomunikasi Brunei Darussalam (AITI), Pesuruhjaya (ACWC) bagi Hal Ehwat Kanak-kanak, Pesuruhjaya (ACWC) bagi Hal Ehwat Wanita serta Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Fauziah binti Haji Mohd Salleh selaku Pengerusi Majlis.

MAJLIS Ramah Mesra Bersama Residen dan Penghuni Kompleks Rumah Kebajikan dihadiri oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan isteri.



Pupuk semangat nasionalisme, cintakan tanah air



Siaran Akhbar dan Foto : Pusat Sejarah Brunei



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Sengkarai hadir selaku tetamu kehormat majlis (kiri sekali), manakala gambar kiri, antara sekolah yang menyertai pertandingan.

TUNGKU, Rabu, 15 April. - Pusat Sejarah Brunei (PSB) dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan melalui Bahagian Kesenian dan Kreativiti telah menganjurkan Pertandingan Bicara Berirama Sejarah Brunei Bagi Sekolah-sekolah Rendah Senegara Tahun 2026, Peringkat Akhir.

Pertandingan berlangsung di Pusat Kesenian Pro-Canselor, Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai.

Turut hadir, Pemangku Timbalan Pengetua PSB, Awang Mohammad Faisal bin Haji Mat Salleh, dan

Pemangku Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Awang Mohammad Norilham bin Haji Jais, selaku Pengerusi Bersama Majlis.

Bicara berirama adalah bentuk persembahan yang melibatkan sekumpulan peserta membaca puisi/prosa secara serentak dengan intonasi, gerakan, dan ekspresi suara yang serasi mengikut tema-tema yang tertentu, dan diperdengarkan kepada audiens.

Kesepaduan dan keseragaman pembacaan puisi/prosa ini dikawal oleh seorang peserta yang bertindak sebagai konduktor.

Aktiviti ini melibatkan pelbagai bentuk suara individu yang disatukan untuk menyampaikan mesej.

Dalam kumpulan itu, ditonjolkan pelbagai intonasi suara seperti suara-suara halus dan garau,

lembut dan kasar, lelaki atau perempuan, seruan dan laungan yang nyaring serta berbagai-bagai lagi.

Tema Pertandingan ialah 'Sejarah Brunei Citra Melayu Islam Beraja'.

Antara tujuan pertandingan diadakan adalah sebagai platform yang baik untuk memupuk semangat nasionalisme dan cintakan tanah air, mendorong orang ramai untuk mengenang kembali warisan sejarah negara sekali gus mencintai warisan negara.

Secara tersirat dan tersurat, pertandingan ini juga menjadi jambatan menghidupkan kembali tradisi lisan Brunei dan menghargai perjuangan tokoh-tokoh penting negara pada zaman dahulu dalam membangunkan negara.

Pertandingan ini juga mampu

mencetuskan inspirasi kepada generasi muda untuk terus mencintai dan menjaga kedaulatan tanah air.

Sebanyak 17 buah sekolah rendah senegara menyertai pertandingan tersebut, di mana lima daripadanya telah mara ke peringkat akhir iaitu Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Sekolah St. Andrew's, Sekolah Kesuma Mekar, Sekolah Sinar Matahari (Sunshine School), dan Sekolah Rendah Sultan Hashim, Batu Apoi.

Pada Keputusan Peringkat Akhir Pertandingan Bicara Sejarah Brunei menyaksikan johan pertandingan disandang oleh Sekolah Sinar Matahari dengan berjaya membawa pulang sijil, hadiah dan wang tunai BND1,000 berserta piala.

Sementara naib johan ialah

Sekolah Rendah Sultan Hashim, Batu Apoi yang juga menerima sijil, wang tunai BND800 dan piala.

Manakala tempat ketiga jatuh kepada Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah dengan menerima sijil, wang tunai BND600 berserta piala.

Tempat keempat dan kelima pula masing-masing dimenangi oleh Sekolah Kesuma Mekar dan Sekolah St. Andrew's, dan mereka membawa pulang sijil, cenderamata dan piala.

Sementara itu, penerima bagi Skrip Terbaik juga disandang oleh Sekolah Sinar Matahari yang menerima sijil, cenderamata dan piala, manakala Konduktor Terbaik pula diberikan kepada Amara Sofia binti Izrul Hizry dari Sekolah St. Andrew's yang menerima sijil, cenderamata dan piala.

Peringkat Akhir Pertandingan Bicara Berirama Sejarah Brunei bagi Sekolah-sekolah Rendah Senegara Tahun 2026 turut ditaja oleh Inchcape Company (NBT Brunei), Ezy Printing Services & Trading Co. Sdn. Bhd., Lena Ice-Cream, Coffee-Up! (Star Anise Brand), Uncle Barbs' Kiosk & Shellout, dan Dinosaur Den Playground & Cafe.

PUSAT BAHAGIA MERIAHKAN SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI



Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Pembangunan Masyarakat



SETIAUSAHA Tetap (Kemasyarakatan), KKBS hadir selaku tetamu kehormat majlis (atas), manakala gambar atas kanan dan kanan, sekitar Majlis Ramah Mesra bersama pelatih-pelatih Pusat Bahagia empat daerah sempena Hari Raya Aidilfitri 1447 Hijrah / 2026 Masihi.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 April. - Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dengan kerjasama Peak Performance Sdn. Bhd. telah mengadakan Majlis Ramah Mesra bersama pelatih-pelatih Pusat Bahagia empat daerah sempena Hari Raya Aidilfitri 1447 Hijrah / 2026 Masihi bertempat di Dewan Peak, Peak Club, Lebuhraya Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), KKBS, Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Ketua Guru Ugama, Pusat Bahagia Eric Goh, Kuala Belait, Awang Haji Hannafi bin Haji Sunny.

Majlis diserikan dengan beberapa persembahan menarik berupa nyanyian dan tarian bertemakan Hari Raya daripada

pemenang-pemenang OKU Got Talent (OGT), pelatih-pelatih Pusat-pusat Bahagia dari keempat-empat daerah, Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Kebangsaan Brunei Darussalam (BNAB) serta daripada pegawai dan kakitangan Pusat Bahagia.

Majlis ramah mesra ini diadakan

bagi meraikan pelatih Pusat-pusat Bahagia dalam suasana yang meriah dan penuh kegembiraan, sekali gus memperkukuh ikatan silaturahmi antara pelatih Pusat Bahagia di keempat-empat daerah serta dalam kalangan pegawai dan kakitangan kementerian, Peak Performance Sdn. Bhd. dan

rakan-rakan strategik KKBS.

Selain memberi peluang kepada pelatih-pelatih merasai kemegahan suasana Hari Raya Aidilfitri, majlis ini juga diharapkan sebagai satu platform penting untuk menyerlahkan bakat, meningkatkan keyakinan diri dan juga kemahiran interaksi sosial mereka dalam komuniti.

Di samping itu, majlis ini berperanan sebagai wadah untuk menyemai budaya kunjung-mengunjungi semasa Hari Raya Aidilfitri serta memupuk semangat inklusif melalui pengalakan penyertaan Orang Kelainan Upaya (OKU) dalam sambutan kemasyarakatan agar mereka tidak berasa terpinggir.

Pada masa yang sama, majlis ini turut meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai keperluan dan cabaran yang dihadapi oleh golongan OKU, di samping menyemai nilai kasih sayang, empati dan sikap prihatin, sekali gus mewujudkan suasana kegembiraan bersama dalam kalangan masyarakat.

Turut hadir ialah Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), KKBS, Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong; ketua-ketua jabatan di bawah KKBS, ahli persatuan-persatuan di bawah Majlis Kebangsaan Orang Kelainan Upaya (MKOKU), rakan-rakan strategik dan Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Fauziah binti Haji Mohd. Salleh, selaku Pengerusi Majlis.



Sila Imbas Untuk
Khutbah Lengkap



جياتن حال احوال مسجد
JABATAN HAL EHWAL MASJID,
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SAHABAT SEJATI: TEMAN DI DUNIA, PENEMAN DI AKHIRAT

KHUTBAH JUMAAT NEGARA BRUNEI DARUSSALAM PADA 28 SYAWAL 1447H / 17 APRIL 2026M

Sahabat yang baik ialah sahabat yang memiliki beberapa sifat utama, antaranya:



1) Berakal dan bijaksana

Agar nasihatnya membawa manfaat.

2) Baik akhlaknya

Supaya persahabatan itu terbina atas adab dan hormat.

3) Soleh dan bertaqwa

Agar kita dibimbing kepada keredaan Allah SWT.

4) Tidak tamak kepada dunia

Supaya hubungan tidak dicemari kepentingan duniawi.

5) Jujur dan Amanah

Agar persahabatan dibina atas kepercayaan.

Adab-adab dalam persahabatan yang perlu diamalkan, antaranya:

1. Memulai memberi salam ketika bertemu.
2. Memahami dan membantu tanpa perlu diminta.
3. Menyembunyikan rahsia dan menutup aibnya.
4. Jadilah pendengar yang baik.
5. Maafkan kesilapannya.
6. Mendoakannya



Sahabat sejati : Teman di dunia, peneman di akhirat



BERTAKWALAH kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa iaitu dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Furqan, ayat 27 hingga 29 :

Tafsirnya : "Dan pada hari orang yang zalim menggigit kedua-dua tangannya (kerana menyesali perbuatannya) sambil berkata : "Alangkah baiknya kalau aku (semasa di dunia dahulu) mengambil jalan yang benar bersama-sama rasul". Aduhai celakanya aku! Alangkah baiknya kalau aku tidak mengambil si pulan (yang menyesatkan) itu menjadi sahabat yang setia. Sesungguhnya dia telah menyesatkan aku daripada peringatan (Al-Quran) setelah ia sampai kepadaku. Dan adalah syaitan itu sentiasa mengecewakan manusia".

Agama Islam telah memberikan garis panduan yang jelas dalam pergaulan sesama insan. Dalam setiap tutur kata dan pertemuan, kita diajar untuk menjaga lisan, memuliakan adab dan menyempurnakan akhlak. Sesungguhnya pergaulan yang berteraskan adab dan ihsan akan melahirkan masyarakat yang sejahtera, dihiasi kasih sayang dan saling hormat-menghormati antara satu sama lain.

Apabila kita berbicara mengenai pergaulan, pastinya tidak lengkap tanpa membincangkan mengenai sahabat, kawan ataupun teman kerana merekalah antara insan yang paling rapat dengan kita selepas keluarga. Sebab itu, adalah penting untuk kita mencari dan memilih sahabat yang baik dan berakhlak mulia. Ini kerana mereka mampu mempengaruhi sikap, cara berfikir bahkan masa depan kita. Daripada Abu Musa Al-Asyari Radiallahuanhu, daripada Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam, Baginda bersabda yang bermaksud : "Sesungguhnya perumpamaan teman yang baik dan teman yang buruk adalah seperti penjual minyak wangi dan tukang besi yang meniup api. Penjual minyak wangi, sama ada dia akan memberimu (minyak wangi itu) atau kamu membeli daripadanya atau kamu akan mendapat bau harum daripadanya. Manakala tukang besi yang meniup api pula, sama ada dia akan membakar pakaianmu atau kamu akan mendapat bau yang busuk daripadanya". (Hadis Riwayat Imam Muslim)

Imam Syafii Rahimahullah pernah berpesan : "Jika engkau punya teman yang selalu membantumu dalam merangka ketaatan kepada Allah Subhanahu Wata'ala, maka peganglah dia erat-erat, janganlah pernah kamu lepaskannya. Kerana mencari teman yang sebaik itu susah tetapi melepaskannya sangat mudah sekali".

Sahabat yang baik bukan hanya hadir ketika senang, bahkan berani menegur dengan hikmah ketika melihat kekurangan pada diri saudaranya. Teguran itu bukan untuk membuka aib tetapi untuk memperbaiki keadaan dan menyelamatkan saudaranya daripada kesalahan. Oleh itu, sahabat sejati ialah orang yang ikhlas menasihati, menutup aib saudaranya, membantu ketika susah dan membawa saudaranya lebih dekat kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : **Maksudnya** : "Seorang mukmin adalah cermin bagi mukmin yang lain. Dan seorang mukmin adalah saudara bagi mukmin yang lain. Dia menjaga kepentingannya dan melindunginya daripada belakangnya". (Hadis Riwayat Imam Abu Daud)

Imam Al-Ghazali Rahimahullah dalam kitabnya Ihya Ulumuddin menjelaskan

bahawa sahabat yang baik ialah sahabat yang memiliki beberapa sahabat utama.

Pertama : Berakal dan bijaksana, agar nasihatnya membawa manfaat.

Kedua : Baik akhlaknya, supaya persahabatan itu terbina atas adab dan hormat.

Ketiga : Soleh dan bertakwa, agar kita dibimbing kepada keredaaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Keempat : Tidak tamak kepada dunia, supaya hubungan tidak dicemari kepentingan duniawi.

Kelima : Jujur dan amanah, agar persahabatan dibina atas kepercayaan.

Selain itu, Imam Al-Ghazali Rahimahullah juga ada menggariskan mengenai adab-adab dalam persahabatan yang perlu diamalkan, antaranya :

Pertama : Memulai memberi salam ketika bertemu.

Kedua : Memahami dan membantu tanpa perlu diminta, bantulah atas dasar tanggungjawab dan kasih sayang.

Ketiga : Menyembunyikan rahsia dan menutup aibnya adalah tanda persahabatan yang sejati.

Keempat : Jadilah pendengar yang baik, berikan ruang untuknya berbicara dan jangan memotong percakapannya. Itulah antara tanda hormat dan empati.

Kelima : Memaafkan kesilapannya dan jangan sesekali mencacinya.

Keenam : Mendoakannya antara tanda ukhuwah sejati adalah apabila kita mendoakan sahabat tanpa pengetahuannya, sama ada ketika dia masih berada di sisi kita, mahupun setelah dia kembali ke rahmatullah. Daripada Abu Darda Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : "Doa seorang Muslim untuk saudaranya (yang lain) secara diam-diam adalah mustajab. Di atas kepalanya ada malaikat yang ditugaskan, setiap kali dia mendoakan saudaranya dengan kebaikan", malaikat itu berkata : "Amin dan engkau pun akan memperoleh seperti yang engkau ucapkan". (Hadis Riwayat Imam Muslim)

Begitulah nilai persahabatan kerana Allah Subhanahu Wata'ala. Persahabatan yang dibina atas iman, takwa dan amal soleh bukan hanya membawa kebaikan di dunia, bahkan berterusan hingga ke akhirat. Sahabat yang saling mengingatkan kepada kebaikan, saling mendoakan dan saling

memimpin menuju ketaatan akan menjadi asbab keselamatan antara satu sama lain dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala.

Begitulah anugerah terindah dalam kehidupan ini apabila mempunyai sahabat yang bukan hanya hadir di sisi ketika suka dan duka tetapi juga membimbing kita ke arah kebaikan dan reda Ilahi. Namun andai kita belum dipertemukan dengan sahabat seperti itu, maka kita mulakanlah dengan menjadi insan dan sahabat yang baik terlebih dahulu. Sesungguhnya dengan izin dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala jua, insan yang baik akan menarik kehadiran orang-orang yang baik juga.

Sesungguhnya sahabat sejati itu bukan hanya dicari dengan mata tetapi juga dikenali dengan hati. Sahabat yang baik tidak semestinya sempurna kerana mereka juga insan biasa yang ada kekurangannya. Namun, saat kita lemah, merekalah yang menghulurkan tangan untuk menguatkan. Saat kita tersesat, mereka hadir menunjukkan jalan. Mereka menyedari menyedari siapa diri kita, bukan dengan mencela tetapi dengan meyakinkan bahawa kita mampu menjadi insan yang lebih baik. Mereka memberikan kita inspirasi dalam diam, walaupun terkadang mereka sendiri tidak menyedarinya. Mereka mendoakan kita dalam senyap, walaupun kita tidak pernah memintanya dan mereka sabar memimpin kita menuju ke jalan kebaikan kerana mereka yakin bahawa kita juga mampu menjadi hamba yang lebih dekat kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Akhirnya, marilah kita sama-sama mensyukuri nikmat persahabatan yang Allah Subhanahu Wata'ala anugerahkan. Persahabatan bukan sekadar penguat langkah dalam menempuh ujian dunia tetapi juga cahaya yang menuntut kita menuju syurga di akhirat sana.

Semoga kita semua, bersama sahabat-sahabat yang kita kasihi, dikurniakan *husnul khatimah*, dihimpunkan dalam kalangan hamba-hamba-Nya yang beriman dan dikumpulkan bersama di dalam syurga Allah Subhanahu Wata'ala yang kekal abadi. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

Tafsirnya : "Sahabat-sahabat yang setia pada hari itu sebahagian mereka bermusuhan dengan sebahagian yang lain kecuali orang-orang yang bertakwa". (Surah Az-Zukhruf, ayat 67)

Terapkan strategi pedagogi mantap demi tingkatkan pencapaian pelajar

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan



SETIAUSAHA Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan menghadiri Mesyuarat Lembaga Pengelola Programme for International Student Assessment (PISA-PGB) Kali Ke-61 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa Brazil (Brazil International Convention Center, CICB), Brasilia, Brazil pada 8 hingga 10 April 2026.

BRASILIA, BRAZIL, Rabu, 15 April. – Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam, Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin, telah menghadiri Mesyuarat Lembaga Pengelola Programme for International Student

Assessment (PISA-PGB) Kali Ke-61 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa Brazil (Brazil International Convention Center, CICB), Brasilia, Brazil pada 8 hingga 10 April 2026.

Mesyuarat Lembaga Pengelola PISA dikendalikan dua kali setahun oleh Pertubuhan Kerjasama dan

Pembangunan Ekonomi (OECD) dan mesyuarat kali ini telah dihadiri oleh lebih dari 100 peserta dari Negara / Ekonomi Ahli OECD, Negara Bersekutu serta Rakan Kongsi OECD.

Agenda utama mesyuarat merangkumi pembentangan perkembangan terkini penganalisisan PISA 2025 serta perancangan pelancaran Laporan PISA 2025 pada September 2026 nanti.

Selain itu, mesyuarat juga turut membincangkan beberapa rangka kerja penilaian bagi PISA 2029.

Mesyuarat tiga hari itu mengongsikan perkembangan beberapa projek inovasi, termasuk persediaan penggunaan teknologi Kecerdasan Buatan (AI) dalam penilaian PISA dalam pusingan akan datang, dengan mengambil kira peningkatan penggunaan teknologi AI dalam pengajaran dan pembelajaran.

Di samping itu, perbincangan turut diadakan berkenaan usaha penyelarasan dan korelasi antara penilaian PISA dan Programme for the International Assessment of Adult Competencies (PIAAC) - iaitu program yang bertanggungjawab

menilai kompetensi literasi, numerasi serta kemahiran penyelesaian masalah dalam kalangan orang dewasa.

Mesyuarat juga membincangkan persediaan bagi PISA-VET (Vocational Education and Training), iaitu Penilaian PISA bagi peringkat pendidikan dan latihan vokasional, merangkumi strategi jangka masa panjang program kerja OECD dalam bidang pendidikan dan kemahiran.

Beberapa perkara pentadbiran turut dibincangkan dalam Mesyuarat PGB Ke-61 ini, termasuk program kerja, peruntukan belanjawan serta perbahasan mengenai pembaharuan mandat bagi PISA.

Mesyuarat tersebut dirasmikan oleh Setiausaha Jabatan Pendidikan Asas (Secretary of the Basic Education Department, SEB), Puan Yang Terutama Kátia Helena Serafina Cruz Schweickardt, mewakili Menteri Pendidikan, Tuan Yang Terutama Leonardo Barchini.

Dalam ucapan perasmian, Puan Yang Terutama menekankan kepentingan hubungan kait antara penilaian pendidikan dengan dinamisme pembelajaran

merentasi pelbagai peringkat, serta menggariskan keperluan bagi Brazil mengambil kira dapatan penilaian daripada pelbagai negara dalam usaha meningkatkan keberhasilan pendidikan.

Puan Yang Terutama turut menegaskan bahawa hasil penilaian tidak sepatutnya tertumpu kepada kedudukan dan skor semata-mata, sebaliknya sebarang dapatan perlu difokuskan bagi menerapkan strategi pedagogi yang mantap demi meningkatkan pencapaian pelajar.

Turut mengiringi Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam adalah Pemangku Pengarah Perancangan, Perkembangan dan Penyelidikan, Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Anis Faudzulani binti Haji Dzulkiflee, selaku Pengurus Projek Kebangsaan PISA, Negara Brunei Darussalam dengan disertai seorang Ahli PISA Task Force Kementerian Pendidikan Peringkat Kerja (MPTF Working Level) yang juga pegawai dari Jabatan Perancangan, Perkembangan dan Penyelidikan, Kementerian Pendidikan.

دعاء مموهن كقد الله سقاي ترسلامة درقذ بلاء دان سكل جنيس قياكيت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَحْنَا وَبِاللَّهِ آخَتَمْنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَخَصَّنَا بِبِدِي الْعِزَّةِ وَالْجَبْرُوتِ. وَأَعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَائِكَةِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالطَّعْنَ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ الرَّدَى بِطُفِكَ يَا لَطِيفُ يَا حَبِيبُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

اية الكرسي

(صلوات تفرجية)

سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارِ

اَللّٰهُ لَا اِلٰهَ اِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّوْمُ لَا تَاْخُذُهٗ سِنَةٌ وَّلَا نَوْمٌ لَّمَّا فِى السَّمٰوٰتِ وَمَا فِى الْاَرْضِ مَن ذَا الَّذِى يَشْفَعُ عِنْدَهٗ اِلَّا بِاِذْنِهٖ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ اَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُوْنَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهٖ اِلَّا بِمَا شَاءَ وَسِعَ كُرْسِيُّهٗ السَّمٰوٰتِ وَالْاَرْضَ وَلَا يَئُوْدُهٗ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيْمُ ﴿٢٥٥﴾

اَللّٰهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِى تَنَحَّلَ بِهٖ الْعَقْدُ، وَتَنَفَّرَجَ بِهٖ الْكُرْبُ، وَتَقَضٰى بِهٖ الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهٖ الرَّغَائِبُ وَحُسْنُ الْحَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقٰى الْعَمَامُ بِوَجْهِهٖ الْكَرِيْمِ، وَعَلٰى اٰلِهٖ وَصَحْبِهٖ فِى كُلِّ لَمَحَةٍ وَنَفْسٍ بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُوْمٍ لَّكَ.

اَللّٰهُمَّ اَنْتَ رَبِّىْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اَنْتَ، خَلَقْتَنِىْ وَاَنَا عَبْدُكَ، وَاَنَا عَلٰى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، اَعُوْذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، اَبُوْءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلٰى وَاَبُوْءُ بِذَنْبِىْ، فَاغْفِرْ لِىْ فَاِنَّهٗ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوْبَ اِلَّا اَنْتَ.

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhapuslah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذكر بچاءن یغ مباوا کبراونتوغن ساعت بسر کقد قععملن (تولق بلاء)

(3) بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ اِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

(2) اَسْتَغْفِرُ اللّٰهَ الْعَظِيْمِ

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakan rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

(1) حَسْبُنَا اللّٰهُ وَنِعْمَ الْوَكِيْلُ

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173, Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

(5) يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ، بِرَحْمَتِكَ اَسْتَغِيْثُ

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinnya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

(4) وَاُقُوْضُ اَمْرِيْ اِلَى اللّٰهِ

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

MAJLIS SENTUHAN KASIH SYAWAL KONGSI REZEKI, SEMAI NILAI PEMEDULIAN



Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 17 April. - Dalam usaha menggalakkan budaya berkongsi rezeki, Majlis Sentuhan Kasih Syawal sempena Hari Raya

Aidilfitri diadakan petang tadi di sebuah kafe di Kiulap bagi meraikan anak-anak yatim dan golongan keluarga tertentu. Hadir selaku tetamu kehormat,

YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Sengkarai hadir selaku tetamu kehormat serta menyempurnakan penyampaian sumbangan derma kepada para penerima (kiri dan kanan).

Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai.

Pada majlis tersebut, Yang Berhormat Ahli MMN menyampaikan sumbangan derma kepada 20 orang anak yatim dan anak daripada golongan keluarga tertentu serta zakat kepada sembilan buah keluarga.

Dua pelajar cemerlang dalam bidang akademik dan hafazan Al-Quran iaitu Dayang Nur Adila Syazwani binti Ali dan Awang Mohd. Adli Hafiz bin Ali turut menerima sumbangan *tablet* sebagai galakan untuk terus berjaya dalam pelajaran.



Dalam ucapan alu-aluannya, Pengerusi Majlis, Dayang Faridah binti Haji Mohd. Taufik menzahirkan harapan agar sumbangan yang diberikan dapat menjadi pemangkin semangat kepada para penerima untuk menjalani kehidupan dengan lebih yakin dan bermakna.

Majlis tersebut juga menjadi

platform untuk mengeratkan hubungan silaturahmi serta menyemai nilai kasih sayang dalam kalangan masyarakat.

Acara berkenaan dianjurkan oleh Kumpulan Emcee dengan kerjasama SMFZ Event Planner & Management, Kencana Laila Entertainment dan Projek Amal Impian Cahaya Iman.



ANTARA yang hadir pada majlis berkenaan (atas dan kanan).



Bedah Buku 'Perang Kastila dan Ugama : Satu Analisa'



TIMBALAN Dekan, Fakulti Undang-Undang Sultan Haji Hassanalkhalid, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Dr. Dayang Hajah Hanan binti Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Awang Haji Abdul Aziz menyampaikan ulasan (atas) manakala gambar bawah kanan, buku yang dilancarkan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 17 April. - Buku bertajuk 'Perang Kastila dan Ugama : Satu Analisa' terbitan Jabatan Mufti Kerajaan yang baru dilancarkan, mengetengahkan perspektif baharu dalam menilai semula peristiwa bersejarah Perang Kastila melalui sudut fakta, undang-undang dan agama.

Kupasan buku tersebut telah disampaikan dalam satu Sesi Bedah Buku oleh Timbalan Dekan, Fakulti

Undang-Undang Sultan Haji Hassanalkhalid, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Dr. Dayang Hajah Hanan binti Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Awang Haji Abdul Aziz, selaku Penulis Bersama.

Dalam pembentangnya, beliau menyifatkan peluang untuk terlibat dalam kajian bersama Jabatan Mufti Kerajaan sebagai satu penghormatan, selain menegaskan bahawa kajian mengenai Perang Kastila masih mempunyai ruang untuk diperhalusi.

Menurutnya, walaupun pelbagai penulisan telah dihasilkan, masih terdapat persoalan penting yang belum terjawab sepenuhnya, khususnya berkaitan naratif kemenangan awal Sepanyol ke atas Brunei.

Dari sudut sejarah, jelas Dr. Dayang Hajah Hanan, Brunei dilihat mengalami kekalahan apabila Gabenor Sepanyol, de Sande, bersama askar-askarnya berjaya memasuki Brunei serta menggeledah Istana Sultan Abdul Kahar (Raja Tua). Pada 20 April 1578, mereka sekali lagi menyerbu Istana Sultan Saiful Rijal dan mengisytiharkan Brunei sebagai milik Sepanyol.

Keadaan tersebut menyebabkan Sultan Saiful Rijal berundur ke Jerudong, diiringi oleh Pengiran Bendahara Sakam. Seterusnya, Bendahara Sakam kembali ke bandar

untuk mengumpulkan kira-kira 1,000 pemuda sebagai perajurit.

Bagaimanapun, terdapat pandangan dalam penulisan sejarah yang menyatakan bahawa pengunduran Sepanyol adalah disebabkan ketakutan terhadap kekuatan tentera Brunei yang dikatakan memiliki 50 buah kapal perang dengan 1,000 perwira.

"Dari sudut logik, apakah 50 buah kapal perang memadai dikendalikan hanya oleh 1,000 orang? Berapa orangkah bagi tiap-tiap sebuah kapal? Cuma 20 orang sahaja. Apakah ini boleh dianggap munasabah?" jelas beliau.

Tambahnya, persoalan utama yang diketengahkan dalam buku ini ialah sebab sebenar pengunduran Sepanyol dari Brunei.

Beliau menegaskan bahawa Sepanyol tidak mungkin berundur kerana kelemahan, memandangkan mereka masih mampu melakukan tindakan agresif termasuk membakar Masjid Jame' Brunei hanya beberapa hari sebelum berundur.

Sehubungan itu, buku tersebut mengemukakan pandangan bahawa pengunduran Sepanyol adalah disebabkan pertolongan Allah kepada Brunei, berkat kepimpinan raja yang beriman dan tegas mempertahankan agama serta negara.

Selain itu, buku berkenaan turut menyentuh isu pengkhianatan melibatkan dua pembesar tempatan yang didakwa membantu Sepanyol

Oleh : Hajah Siti Zuraiha Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Ihsan Jabatan Mufti Kerajaan

serta menghuraikan hukum menderhaka kepada raja daripada perspektif agama.

Dalam masa yang sama, analisis turut diperluaskan kepada undang-undang antarabangsa, khususnya berkaitan kaedah pemerolehan wilayah seperti pendudukan, penemuan, penyerahan dan perjanjian, penggunaan kekerasan / penaklukan dan keputusan kehakiman.

"Maka di sini kami hanya mahu ingin melihat status Brunei di bawah apakah ia? Temyata ia berada di bawah Kategori 'Penyerahan dan Perjanjian' (cession) dengan Great Britain, bukan penaklukan dengan kekerasan (*under conquest*) yang kedua-duanya itu menyangkut perkara undang-undang antarabangsa.

"Temyata Brunei bukan ditakluki tetapi adalah diserahkan secara rasmi oleh sultan kepada satu kuasa lain (Great Britain) melalui perjanjian yang sah. Biasanya perjanjian seperti ini berlaku selepas perang atau sebagai sebahagian daripada urusan diplomatik," ujarnya.

Dr. Dayang Hajah Hanan menambah, di sinilah bezanya Sepanyol terhadap Brunei, mereka masuk dengan kekuatan yang dilengkapi bala tentera, memaksa Raja untuk menukar ugama dan sekaligus mengisytiharkan Brunei menjadi

hak Sepanyol. Namun raja tidak pernah bertitah memperakui atau membenarkan kehendak Sepanyol ini.

Beliau menambah, dari sudut undang-undang antarabangsa, tindakan Sepanyol boleh dianggap sebagai penaklukan yang tidak sah.

"Di dalam buku ini kami menukil isi perjanjian antara Brunei Darussalam dan Great Britain untuk sama-sama diambil pengertian dan sekali gus untuk kita dapat memahami tindakan Sepanyol terhadap Brunei adalah sangat berbeza dengan hubungan Brunei Darussalam dan Great Britain," jelas Dr. Dayang Hajah Hanan.



MENGUKUHKAN HUBUNGAN EKOSISTEM PERNIAGAAN, TEKNOLOGI DI NBD

Siaran Akhbar dan Foto : Dell Technologies



UPACARA berkenaan telah mengalu-alukan lebih 700 tetamu dan menghimpunkan rakan kongsi, pihak berkepentingan dan ahli komuniti perniagaan bagi meraikan Hari Raya Aidilfitri (kiri dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 April. - Dell Technologies telah berjaya menganjurkan Rumah Terbuka Raya Dell Technologies 2026 hari ini, dengan kerjasama Brusin Trading Company Sdn. Bhd. dan Netcom Computer House. Acara berkenaan telah mengalu-alukan lebih 700

tetamu, dan menghimpunkan rakan kongsi, pihak berkepentingan dan ahli komuniti perniagaan bagi meraikan Hari Raya Aidilfitri. Perhimpunan berkenaan mencerminkan semangat kebersamaan di samping mengukuhkan hubungan yang telah lama terjalin dalam ekosistem perniagaan dan teknologi di Negara Brunei

Darussalam (NBD). Dell Technologies merupakan peneraju global dalam penyelesaian teknologi, menyediakan infrastruktur, komputer peribadi (PC) dan perkhidmatan yang inovatif, selamat dan boleh berskala bagi membantu organisasi membina masa depan digital dan meningkatkan prestasi perniagaan.

Dengan kehadiran yang telah lama bertapak di NBD, Dell Technologies terus memainkan peranan penting dalam menyokong agenda transformasi digital negara. Penganjuran Majlis Rumah Terbuka berkenaan turut menjadi platform bermakna untuk memperkukuh kerjasama sedia ada, selain menggalakkan kolaborasi

berterusan bersama rakan tempatan dan pemain industri. Seiring dengan sambutan perayaan, majlis tersebut turut menekankan kepentingan nilai komuniti, penghargaan dan kerjasama, prinsip yang terus menjadi teras kepada penglibatan Dell Technologies di rantau ini.

Pemenang Play 2 Win Campaign terima hadiah



MAJLIS Penyampaian Hadiah untuk Play 2 Win Grand Draw yang diadakan di Jerudong Park (atas dan atas kiri).

Siaran Akhbar dan Foto : Jerudong Park Country Club

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 April. - Jerudong Park Country Club (JPCC) baru-baru ini mengadakan Majlis Penyampaian Hadiah untuk Play 2 Win Grand Draw yang diadakan di Jerudong Park.

Acara berkenaan telah dihadiri oleh pengurus jualan dan pemasaran JPCC, pengurus taman permainan, bersama kakitangan JPCC, para pemenang dan tetamu jemputan.

Berikutan kejayaan edisi sebelumnya, JPCC dengan bangga memperkenalkan edisi ketiga Play 2 Win Campaign, yang berlangsung dari Disember 2025 hingga Mac 2026. Kempen berkenaan menerima sambutan

yang menggalakkan, mencatatkan lebih daripada 400 penyertaan di seluruh Taman Permainan Jerudong Park dan Little Kingdom Petting Zoo.

Kempen berkenaan menampilkan lima hadiah cabutan utama bersama 15 hadiah sagu hati, semuanya diundi daripada penyertaan yang layak. Pengunjung secara automatik akan dimasukkan ke dalam cabutan bertuah dengan setiap pembelian Pakej Keluarga JP dalam satu resit, sama ada di Jerudong Park atau Little Kingdom Petting Zoo semasa tempoh kempen.

Pemenang hadiah utama ialah Dayang Nur Irdhina Shafiqah binti Kifli telah membawa pulang hadiah

utama berupa sebuah iPhone 17 (256GB). Beliau meluahkan rasa gembira dan teruja serta berasa bertuah kerana terpilih sebagai pemenang.

Play 2 Win Campaign merupakan sebahagian daripada usaha berterusan JPCC untuk memberi ganjaran kepada pengunjung dan menyediakan pengalaman yang menarik dan mesra keluarga.

JPCC mengucapkan terima kasih yang tulus ikhlas kepada semua yang telah menyertai dan berharap dapat menikmati lebih banyak aktiviti menarik pada masa hadapan.

Untuk maklumat lanjut tentang promosi semasa dan aktiviti taman, ikuti JPCC di Instagram di @jerudongpark dan Facebook di Jerudong Park Playground.

LUPA TOKEN PSCR 2.0?



CARA PENETAPAN SEMULA (RESET) TOKEN PSC AWDA

Whatsapp Talian Perhubungan (+673 7371961) atau E-mel (query@spa.gov.bn) serta nyatakan:

1. Nama Penuh
2. Nombor Kad Pengenalan
3. Swafoto awda dengan memegang bahagian hadapan kad pengenalan

PMB KETENGGAHKAN USAHA KERAJAAN KE ARAH PEMBANGUNAN NEGARA



PEMANGKU Ketua Bahagian Komunikasi Strategik, Dayang Saadiatul Nur Aqilah binti Haji Jaman hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pembukaan Program Masyarakat Bermaklumat bagi Rancangan Perumahan Negara Kampung Lumut I, Mukim Liang, Daerah Belait (atas), manakala gambar kanan dan bawah kanan, antara taklimat yang disampaikan.

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Azmah Haji Ahad, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 April. - Ke arah memahami, menyokong dan menghargai usaha-usaha kerajaan dalam sama-sama membangun negara terutamanya bagi mencapai Wawasan Brunei 2035, Jabatan Penerangan menerusi Cawangan Penerangan Daerah Belait, Bahagian Komunikasi Strategik telah mengadakan Majlis Pembukaan Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) bagi Rancangan Perumahan Negara Kampung Lumut I, Mukim Liang,

Daerah Belait.

Program yang berlangsung selama dua hari bermula hari ini, mengambil tempat di Dewan Auditorium, Bangunan Tambahan, Jabatan Penerangan.

Program disertai oleh seramai 19 orang peserta, yang terdiri daripada Pemangku Ketua Kampung dan penduduk Rancangan Perumahan Negara Kampung Lumut I, Mukim Liang, Daerah Belait.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Ketua Bahagian

Komunikasi Strategik, Dayang Saadiatul Nur Aqilah binti Haji Jaman dan juga hadir sama pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dikepalai oleh Penolong Pegawai Penerangan, Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akhbar bin Pengiran Haji Sellahuddin, kemudian diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Pemangku Ketua Cawangan Penerangan Daerah Belait, Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail.

Dalam ucapannya, Awang



Eddy Iswandy antara lain mengetengahkan tentang PMB yang merupakan inisiatif jabatan dalam memberikan peluang kepada masyarakat untuk menimba ilmu pengetahuan dengan lebih lanjut mengenai usaha-usaha pihak kerajaan dan agensi-agensi berkenaan dalam sama-sama membangun Negara Brunei Darussalam.

Di samping itu, program berkenaan juga dapat memberi manfaat kepada para peserta sekali gus dapat diaplikasikan kepada kehidupan sehari-hari, serta memberikan inspirasi mahupun idea-idea melalui lawatan sambil belajar ke perusahaan-perusahaan tempatan.

Program disusun atur dengan beberapa sesi taklimat dan lawatan

ke agensi-agensi yang terpilih, selaras dengan tujuan program iaitu untuk menyuntik semangat dan menginspirasi anggota masyarakat dalam usaha-usaha meningkatkan taraf hidup, pengetahuan serta pendedahan kepada aktiviti-aktiviti peningkatan kapasiti dan pengetahuan.



UBD tersenarai dalam Sekolah Perniagaan Terbaik Ekonomi Islam 2026



KOMITMEN UBD untuk memajukan pendidikan, penyelidikan dan pembangunan bakat dalam ekonomi Islam yang berkembang pesat semakin mendapat pengiktirafan bermakna di persada dunia.

TUNGKU, Rabu, 15 April. - Universiti Brunei Darussalam (UBD), melalui Sekolah Perniagaan dan Ekonomi UBD (UBDSBE), menduduki tempat ke-17 di peringkat global dalam 30 Sekolah Perniagaan Terbaik Ekonomi Islam 2026, dalam ranking global yang dikeluarkan oleh DinarStandard dengan kerjasama Salaam Gateway. Ini meletakkan UBD antara kumpulan institusi yang terkenal daripada seluruh dunia.

Menduduki 20 teratas di seluruh dunia bukanlah destinasi, ia adalah permulaan. Ia mengesahkan bahawa komitmen UBD untuk memajukan pendidikan, penyelidikan dan pembangunan bakat dalam ekonomi Islam yang berkembang pesat semakin mendapat pengiktirafan bermakna di persada dunia.

Kedudukan ini disokong oleh metodologi yang ketat dan komprehensif, menilai institusi merangkumi tiga tonggak utama : Pengembangan Kurikulum, Kredibiliti Institusi dan Sokongan Ekosistem.

Kriteria ini mencerminkan keupayaan institusi untuk menyampaikan program berkualiti tinggi, berkaitan industri, menunjukkan kecemerlangan akademik, dan menyumbang secara bermakna kepada ekosistem ekonomi Islam yang lebih luas.

Kemasukan UBD dalam ranking global berprestij ini menggariskan asas akademik universiti yang kukuh, keupayaan penyelidikan yang semakin meningkat, dan penglibatan aktif dengan industri dan rakan kongsi antarabangsa.

Ia juga mencerminkan komitmen berterusan Negara

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Brunei Darussalam

Brunei Darussalam untuk mengukuhkan kedudukannya dalam ekonomi Islam global, khususnya dalam bidang seperti kewangan Islam dan pembangunan industri halal.

Pengiktirafan ini menandakan peristiwa penting dan mencerminkan usaha kolektif pelajar, fakulti, penyelidik dan rakan kongsi UBD.

Sebagai institusi yang diiktiraf AACSB, UBDSBE terus menyampaikan program berkualiti tinggi seperti MSc dalam Kewangan Islam dan Analitis Data, yang direka untuk menjana penyelesaian yang berkesan merentas industri, dasar dan penyelidikan.

Pencapaian itu juga menyierahkan sumbangan kerja UBDSBE yang semakin meningkat dalam kewangan Islam dan rantaian nilai halal dalam memajukan kepimpinan pemikiran dan mempromosikan amalan beretika, inovatif dan mampan.

Menguatkan lagi kepimpinannya dalam ruang ini, UBDSBE berjaya menganjurkan Persidangan Antarabangsa Kewangan Islam dan Kelestarian (International Conference on Islamic Finance and Sustainability - ICIFS 2025) yang julung kali diadakan pada tahun 2025 - menandakan satu langkah penting dalam meletakkan Negara Brunei Darussalam sebagai platform untuk dialog global, kerjasama, inovasi dan kemampanan.

"Berada di kedudukan ke-17 di peringkat global adalah satu kejayaan yang kami banggakan,

tetapi bukan di mana cita-cita kami berakhir. Kami berasa terharu apabila diiktiraf antara institusi terkemuka dunia dalam ekonomi Islam, dan kami tidak mengambil mudah.

"Negara Brunei Darussalam, berakar umbi dalam prinsip Melayu Islam Beraja, adalah rumah semula jadi untuk pembangunan kepimpinan ekonomi Islam, dan UBD komited untuk menjadi nadi usaha tersebut. Di UBD, kami percaya kami mempunyai peranan yang bermakna untuk dimainkan, bukan sahaja dalam melahirkan graduan, tetapi dalam memupuk pemimpin yang cemerlang dari segi teknikal, berlandaskan moral dan benar-benar komited untuk kebaikan bersama.

"Sama ada dalam perbankan dan kewangan Islam, industri halal, rantaian bekalan, atau ekonomi Islam, dunia memerlukan profesional berprinsip yang boleh memimpin dengan kecekapan dan hati nurani. Itulah jenis bakat yang ditentukan oleh UBD untuk membangunkan Negara Brunei Darussalam, untuk rantau ini, dan untuk komuniti Islam global," menurut Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle.

Berakar umbi dalam nilai-nilai negaranya dan dipandu oleh visi perkhidmatan kepada masyarakat Islam global, UBD sedang membina kapasiti untuk memupuk pemimpin yang dilengkapi secara teknikal, berlandaskan moral dan berfikiran global.

Ekonomi Islam adalah kuasa global USD7 trilion. Daripada perbankan dan kewangan Islam,

kepada rantaian bekalan halal, pelancongan Islam dan ekonomi digital, permintaan untuk pemimpin berprinsip dan inovatif tidak pernah lebih besar dan UBD berada pada kedudukan yang baik untuk membantu memenuhi permintaan tersebut.

Melalui program, pusat penyelidikan dan perkongsian industrinya, UBDSBE memupuk generasi peneraju seterusnya merentasi ekonomi Islam, perbankan dan kewangan, pengurusan rantaian bekalan, industri halal, dan kemampanan yang membawa bukan sahaja kelayakan, tetapi rasa pencapaian.

Negara Brunei Darussalam, sebagai sebuah negara yang dibina di atas prinsip Melayu Islam Beraja, menawarkan rumah semula jadi dan asli untuk misi ini.

UBD melihat dirinya bukan sebagai bersaing dengan institusi besar dunia, tetapi sebagai pelengkap mereka, membawa ke meja perspektif Brunei yang jelas, sangat Islamik, dan benar-benar komited untuk kebaikan bersama.

Pengiktirafan UBD dalam ranking ini menegaskan semula peranan strategiknya sebagai penyumbang utama kepada pembangunan modal insan dan kemajuan ilmu dalam ekonomi Islam, di peringkat serantau dan global.

Ia mengukuhkan lagi kehadiran Negara Brunei Darussalam di pentas antarabangsa sebagai pusat kecemerlangan, dan semakin berpengaruh untuk pendidikan dan kepimpinan ekonomi Islam.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Bilangan Rujukan Dan Tajuk Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2026 / ITAU / NV / TA / 001
To Supply, Delivery, Installation, Configuration, Testing And Commissioning Of AV & PA System

Yuran Tawaran:
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Selasa, 28 April 2026.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
5 Mei 2026
Jam 2.00 Petang



Bilangan Rujukan Dan Tajuk Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2026 / ITAU / MAB / TA / 001
To Supply, Delivery Iridium Satellite Phone, New Sim Card And Prepaid Voucher

Yuran Tawaran:
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Selasa, 5 Mei 2026.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
12 Mei 2026
Jam 2.00 Petang



Rujukan Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2025 / GCAU / LOG / TA / 8005
Pembelian Ransum Bungkus Selama 4 Bulan Bagi Keperluan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei

Yuran Tawaran:
BND 30.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Selasa, 5 Mei 2026.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
12 Mei 2026
Jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

Iklan Tawaran Rancangan Pemakanan Sekolah Arab Dan Asrama (Bahagian Penyajian Makanan Dan Minuman Secara Berhidang Dan Bertapau) Bagi Tempoh Dua (2) Tahun Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
KHEU / JPI / PMM / SA BELAIT / 08
Sekolah Arab Belait, Daerah Belait

Bayaran Dokumen:
BND30.00
(Bayaran Dokumen Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
10 Zulkaedah 1447H /
28 April 2026M,
Tidak Lewat Sebelum
Jam 2.00 Petang



Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga :
KHEU / JPI / JKS / PPS(I) / 2025-2026
Perkhidmatan Pembuangan Sampah Tempoh 2 Tahun Bagi Zon 'I'

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
KHEU / JPI / JKS / PPS(J) / 2025-2026
Perkhidmatan Pembuangan Sampah Tempoh 2 Tahun Bagi Zon 'J'

Di Bawah Kawalan Jabatan Pengajian Islam Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam Tahun 1446H-1447H / 2025M-2026M

Tarikh Tutup:
Rabu,
4 Zulkaedah 1447H /
22 April 2026M,
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang.



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada Pemborong - Pemborong Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas:
V & VI Sahaja

Kategori:
KA01

Tarikh Mengambil Dokumen Tawaran:
1 April 2026

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Tawaran:
Selasa,
21 April 2026
Jam 3.00 Petang

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
28 April 2026
Jam 2.00 Petang

Bilangan:
JKR / DOR / SRM 16 / 2025

Nama Projek:
Membaik Pulih Dan Menurap Semula Lebuhraya Tungku Jerudong
(Di Antara Pusing Keliling Agrotek & Pusing Keliling Tungku Jerudong) - Hala Jerudong

Yuran Tawaran:
BND50.00
(Tidak Dikembalikan)

E-Dokumen:
Tidak Ada



JABATAN BANDARAN TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Pemberitahuan Tawaran

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
JBT / S / 01 / 2026-2027
Sebut Harga Bagi Kerja-Kerja Pembaikan Pondok Salaian Di Kompleks Pasarneka Dan Tamu Tutong

Tarikh Tutup Tawaran:
Rabu,
29 April 2026
Jam 2.00 Petang



Dibukakan Kepada Pemborong-pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas:
V (IV & V)

Kategori :
[KA01 Sahaja]
(Kod Baharu)

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:
Selasa,
28 April 2026

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
19 Mei 2026,
Tidak Lewat Jam
12.00 Tengah Hari

Bilangan Tawaran:
JKR / DDS 005 / 2026 (SEW).T.V

Nama Projek:
Mengganti Rangkaian Paip Tekanan Pembetulan Bagi Daerah Brunei Muara, Tutong Dan Temburong

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-



PASUKAN POLIS
DIRAJA BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI

T / 002 / RBPf-HQ / 2026- S [004 / LOG / 2026-S]
To Supply, Delivery, Testing, Training, Acceptance And Calibration Of Handheld Speed Enforcement Equipment For Royal Brunei Police Force, Negara Brunei Darussalam.

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
5 Mei 2026
Jam 2.00 Petang



UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI

UNISSA / SB0077 / 2025 / 2026
Upgrading Works At Guest Room At Male And Female Resident Hostel Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Gadong Campus [MOD Class: I & II Only] & [Category: KA01, B01, M01 & E01]

Tarikh Tutup Tawaran:
Rabu,
22 April 2026
Jam 2.00 Petang





**JABATAN MUZIUM-MUZIUM
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Jabatan Muzium-Muzium
Kementerian Kebudayaan,
Belia Dan Sukan
Negara Brunei Darussalam

Kenyataan Tawaran

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
02 / JMM / S / 12 / 91 (2026 /
2027) – R

Tajuk Tawaran:

Penyewaan Dan Operasi Kafe
Muzium Brunei, Bagi Tempoh 5
Tahun, Aras Bawah Muzium
Brunei, Kampong Kota Batu

Tarikh Tutup Tawaran:

Selasa,
19 Mei 2026
Jam 2.00 Petang



Kenyataan Tawaran

Bilangan Dan

Tajuk Tawaran:

01 / JMM / S / 12 / 91
(2026 / 2027)

Design And Build
On Rectification,
Fabrication, Installation
And Development Of Content,
Interactives And Multimedia
For The Brunei Museum,
Kota Batu

Tarikh Tutup Tawaran:

Selasa,
5 Mei 2026,
Jam 2.00 Petang



Kenyataan Tawaran

Bilangan Dan

Tajuk Tawaran:
03 / JMM / S / 12 / 91
(2026 / 2027)

Tawaran Bagi Membekalkan
Perkhidmatan Kawalan
Keselamatan Tempoh Tiga Puluah
Enam (36) Bulan Bagi Bangunan
Muzium Teknologi Melayu Dan
Muzium Maritim Brunei
Darussalam Termasuk Bangunan
Arkeologi & Pemuliharaan Dan
Gedung Stor Simpan Muzium,
Kota Batu, Jabatan
Muzium-Muzium, Kementerian
Kebudayaan, Belia Dan Sukan,
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Tawaran :

Selasa
5 Mei 2026
Jam 2.00 Petang



Kenyataan Sebut Harga

Bilangan Dan

Tajuk Sebut Harga:

04 / JMM / S / 12 / 91
(2026/2027)

Penyewaan Dan Operasi Kedai
Cenderamata Muzium Brunei,
Bagi Tempoh 5 Tahun,
Aras Bawah Muzium Brunei,
Kampong Kota Batu

Tarikh Tutup

Sebut Harga :

Khamis
11 Jun 2026
Jam 2.00 Petang



**JABATAN KAJICUACA
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

Tawaran adalah
dipelawa bagi :

Bilangan dan

Tajuk Sebut Harga:

JKBD / 2026 / SH-01
Two (2) Years Term Contract
For Cleaning
The Headquarter Building Of
Brunei Darussalam Meteorological
Department

Bilangan dan

Tajuk Sebut Harga:

JKBD / 2026 / SH-02
Two (2) Years Term Contract
For Cleaning
The Meteorological Station
Of Brunei Darussalam
Meteorological Department

Tarikh Tutup Sebut Harga:

Rabu
6 Mei 2026
Jam 9.00 Pagi



**JABATAN BANDARAN
BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Rujukan:

JBBSB / SH / 2026 – 2027 / 03
/ SPA / 01

Tajuk Sebut Harga :

Repair Works For Dewan
Serbaguna Bengkel Kenderaan &
Stor Am Subok, Jabatan
Bandaran Bandar Seri Begawan

Hari, Tarikh dan Jam Tutup:

Khamis,
23 April 2026
Jam 2.00 Petang

**Keterangan Lanjut Boleh
Diperoleh Dari:**

Seksyen Pemuliharaan Aset,
Bahagian Pengurusan
Pemuliharaan Estet,
Di Tingkat 3, Bangunan Blok 1
(B1), Jabatan Bandaran
Bandar Seri Begawan,
Jalan Seri Beribi, Gadong
BE1118,
Bandar Seri Begawan



**JABATAN BANDARAN
KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran:

01 / BBS / SH / BPL /
2026-2027

02 / BBS / SH / BPL /
2026-2027

Keterangan Projek:

1. Supply And Delivery Of
Cleaning Materials
 2. Supply And Delivery Of
Hardware Items
- For Jabatan Bandaran Kuala
Belait And Seria

Yuran Tawaran:

BND5.00
(Non - Refundable)

Tarikh Tutup Tawaran:

Selasa
28 April 2026
Jam 2.00 Petang



**JABATAN PERTANIAN
DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN
SUMBER-SUMBER UTAMA
DAN PELANCONGAN**

**Pemberitahuan Sebut Harga
Jabatan Pertanian
dan Agrimakanan**

Sebut harga hendaklah
dimasukkan ke dalam
Peti Sebut harga dan
dialamatkan kepada
Ibu Pejabat, Jabatan Pertanian
dan Agrimakanan,
Jalan Muhibbah, Lapangan
Terbang Lama, Berakas BB3510
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.

Tidak lewat dari jam 2.00 petang
pada **Khamis, 30 April 2026.**

Borang Sebut Harga:
BND7.00

1. JPt / SH / 07 / 2026 - 2027
To Supply and Deliver
Antimicrobial Reference
Standards and Supplementary
Items For Antimicrobial
Resistance Surveillance

2. JPt / SH / 08 / 2026 - 2027
Replacements, Installations
and Commissioning of
One (1) Unit Compressed
Air Generator For
Shimadzu AAS-7000



**JABATAN PERKHIDMATAN
ELEKTRIK
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Jemputan Untuk
Memberi Tawaran
Jabatan Perkhidmatan Elektrik**

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / PSP / 003 / 2026

Tajuk Tawaran :
Supply, Delivery,
Installation And Commissioning
Of 25/30
MVA ONAN/ONAF 132/66/11kv
Power Transformer At
Muara Substation

Tarikh Tutup:

Selasa,
21 April 2026
Jam 2.00 Petang

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup:

Peti Tawaran
Pengerusi Lembaga
Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Lobi Utama,
Aras 1
Bangunan Jabatan
Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan,
BB3913,
Negara Brunei Darussalam



**JABATAN PERKHIDMATAN
ELEKTRIK
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Jemputan Untuk
Memberi Tawaran
Jabatan Perkhidmatan Elektrik**

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / PSP / 100 / 2025

Tajuk Tawaran:
Design And Engineering Services
For The Proposed Upgrade Of
Existing 66kv Substation To
132kv-Rated
Substation At Muara,
Brunei-Muara District And At
Setia Diraja,
Belait District

Tarikh Tutup:

Selasa,
21 April 2026
Jam 2.00 Petang

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup:

Peti Tawaran,
Pengerusi,
Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Lobi Utama,
Aras 1
Bangunan Jabatan
Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan,
BB3913,
Negara Brunei Darussalam.



JABATAN DAERAH BELAIT
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Jawatan Kosong Sebagai

Penghulu Mukim
Tingkat III - PMKK.4
(BND3,880 - BND4,240)

Bagi

Daerah Belait

1. Mukim Melilas
2. Mukim Labi

Adalah dimaklumkan bahawa Jabatan Daerah Belait dengan sukacitanya mempelawa dan menjemput penduduk-penduduk yang bermastautin di Daerah Belait untuk menghadapkan pencalonan bagi mengisikan jawatan sebagai Penghulu Mukim bagi mukim-mukim di Daerah Belait.

Tatacara Menghadapkan Borang Pencalonan:

Keterangan lanjut dan borang pencalonan boleh didapati dan dikembalikan ke alamat seperti berikut:-

Unit Pentadbiran,
Bahagian Institusi Penghulu Mukim dan Ketua Kampung Jabatan Daerah Belait Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup mengembalikan borang pencalonan adalah pada
Khamis,
12 Zulkaedah 1447
bersamaan
30 April 2026,
jam 4.00 Petang.

Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi melalui talian
3334335 / 336 sambungan
1115 / 1127 / 1185.

Jawatan Kosong Sebagai

Ketua Rumah Panjang
E3-EB4 (BND660 - BND875)

bagi

Daerah Belait

1. Ketua Rumah Panjang Teraja, Mukim Labi
2. Ketua Rumah Panjang Malayan, Mukim Bukit Sawat
3. Ketua Rumah Panjang Bang Taong @ Apak-Apak, Mukim Sukang
4. Ketua Rumah Panjang Biadong Ulu, Mukim Sukang

Adalah dimaklumkan bahawa Jabatan Daerah Belait, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan sukacitanya mempelawa dan menjemput penduduk-penduduk yang bermastautin di Daerah Belait bagi Rumah-Rumah Panjang yang tersenarai di atas bagi untuk menghadapkan pencalonan bagi mengisikan jawatan sebagai Ketua-Ketua Rumah Panjang.

Tatacara Menghadapkan Borang Pencalonan:

Keterangan lanjut dan borang pencalonan boleh didapati dan dikembalikan ke alamat seperti berikut:-

Unit Pentadbiran,
Bahagian Institusi Mukim dan Kampung Jabatan Daerah Belait Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup mengembalikan borang pencalonan adalah pada
Khamis, 12 Zulkaedah 1447
bersamaan 30 April 2026,
jam 4.00 Petang.

Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi melalui talian
3334335 / 336 sambungan
1115 / 1127 / 1185.

Jawatan Kosong Sebagai

Ketua Kampung Tingkat I
PMKK.3
(BND2,270 - BND4,240)

atau

Ketua Kampung Tingkat II
PMKK.2
(BND1,990 - BND2,970)

atau

Ketua Kampung Tingkat III
PMKK.1
(BND1,280 - BND2,270)

bagi

Daerah Belait

1. Ketua Kampung Sungai Teraban
2. Ketua Kampung Pekan Kuala Belait A
3. Ketua Kampung Pandan E
4. Ketua Kampung RPN Lumut Kawasan I
5. Ketua Kampung Pekan Seria Kawasan 1
6. Ketua Kampung Pekan Seria Kawasan 2
7. Ketua Kampung Sungai Bera
8. Ketua Kampung Panaga

Adalah dimaklumkan bahawa Jabatan Daerah Belait, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan sukacitanya mempelawa dan menjemput penduduk-penduduk yang bermastautin di Daerah Belait bagi kampung yang tersenarai di atas bagi untuk menghadapkan pencalonan bagi mengisikan jawatan sebagai Ketua-Ketua Kampung.

Tatacara Menghadapkan Borang Pencalonan:

Keterangan lanjut dan borang pencalonan boleh didapati dan dikembalikan ke alamat seperti berikut:-

Unit Pentadbiran,
Bahagian Institusi Mukim dan Kampung Jabatan Daerah Belait Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup mengembalikan borang pencalonan adalah pada



سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

IKLAN JAWATAN KOSONG
PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PERINGATAN PENTING

1. Teliti Skim Iklan sebelum memohon.

2. Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.



1. Lengkapkan Profil PSCR 2.0 (WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)
2. Lengkapkan Kelulusan (Isipatiran / pangkat serta sajak / bidang kelulusan)
3. Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap *Sila upload dan pengiklanan Majlis Keluasan Pengiklanan Keluasan (PKOK) yang berkenaan
4. Tandakan "..." pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"
5. Lengkapkan Maklumat (Jurnal / pekerjaan / Pekerjaan Perkhidmatan Awam / latihan-latihan / latihan profesional dan lain-lain yang dipaparkan di dalam skim iklan)

+673 7371961 PSC.BN query@spa.gov.bn Talian Whatsapp: Suruhanjaya Perkhidmatan Awam PSC.BN

JAWATAN, TANGGA GAJI DAN BILANGAN IKLAN	URUS SETIA PENGAMBILAN	KEKOSONGAN	JENIS IKLAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN
1. PENOLONG PEGAWAI PROJEK TINGKAT I KEMENTERIAN PEMBANGUNAN C.3-4 EB.5 (BAHAGIAN III) 2026/APR/03/KPBG	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	01	7(A)	22 APRIL 2026
2. KERANI PENDAFTAR TANAH KANAN JABATAN TANAH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN C.1-2 EB.3 (BAHAGIAN III) 2026/APR/02/KPBG	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	01	7(A)	22 APRIL 2026
3. PEMBANTU JURURAWAT (PERGIGIAN) JABATAN PERKHIDMATAN KEJURURAWATAN KEMENTERIAN KESIHATAN M.4-5 EB.6 (BAHAGIAN IV) 2026/APR/01/KKS	KEMENTERIAN KESIHATAN	39	7(A) JKK-MOH	22 APRIL 2026
4. PENGARAH JABATAN PERDANA MENTERI SUPERSCALE C (BAHAGIAN I) 2026/APR/02/JPM	JABATAN PERDANA MENTERI	01	38(A)	22 APRIL 2026
5. PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT I JABATAN PERDANA MENTERI B.3 (BAHAGIAN II) 2026/APR/03/JPM	JABATAN PERDANA MENTERI	01	38(A)	22 APRIL 2026
6. MANDUR JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN PERDANA MENTERI D.3-4 EB.5 (BAHAGIAN IV) 2026/APR/05/JPM	JABATAN PERDANA MENTERI	01	7(A)	25 APRIL 2026
7. PENOLONG JURUAUDIT TINGKAT III TERLATIH/ PENOLONG JURUAUDIT TINGKAT III JABATAN AUDIT JABATAN PERDANA MENTERI D.1-2 EB.3-4-5 (BAHAGIAN IV) 2026/APR/04/JPM	JABATAN PERDANA MENTERI	04	7(A)	25 APRIL 2026
8. PEMERIKSA TERNAKAN JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN D.1-2 EB.3-4 (BAHAGIAN IV) 2026/APR/02/KSSUP	KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN	01	7(A)	25 APRIL 2026

PERINGATAN
1. BAKI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSCR 2.0. KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG".
2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIKLANKAN DIBAWAH PERATURAN 7(A) SAHAJA.
3. PANDUAN PSCR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

Khamis,
12 Zulkaedah 1447
bersamaan 30 April 2026,
jam 4.00 Petang.

Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi melalui talian
3334335 / 336 sambungan
1115 / 1127 / 1185.



PASTIKAN KEBAJIKAN, KELANCARAN IBADAH JEMAAH HAJI

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 16 April. - Pegawai Eksekutif Haji dan Umrah, Awang Ahmad Waiz Ulf bin Dahlan, juga selaku Pegawai Pengiring Haji dari Dar El Ehsan Travel Sdn. Bhd., menyatakan bahawa peranan utama beliau pada musim haji tahun ini adalah sebagai ketua rombongan bagi syarikat berkenaan.

Menurutnya, seramai 124 jemaah telah mengikuti pakej yang ditawarkan oleh syarikat berkenaan pada tahun ini. Selain itu, tiga petugas haji turut diamanahkan bagi memberikan bimbingan serta memastikan setiap jemaah dapat menunaikan Rukun Islam kelima dengan teratur dan sempurna.

Beliau seterusnya

menjelaskan, antara persediaan yang dilakukan sebelum berangkat ke Tanah Suci adalah dengan memahami secara menyeluruh prosedur pergerakan jemaah bermula daripada hari bertolak hingga hari kepulangan ke tanah air.

Di samping itu, beliau turut memperkukuh pengetahuan mengenai manasik haji serta membuat persediaan dari segi fizikal dan mental bagi menghadapi sebarang situasi sepanjang berada di Mekah.

Dalam pada itu, Awang Ahmad Waiz Ulf menegaskan bahawa tanggungjawab utama beliau adalah memastikan setiap jemaah menerima bimbingan yang jelas dalam melaksanakan ibadah haji.

Beliau juga memantau keadaan

jemaah dari semasa ke semasa, khususnya daripada aspek kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan mereka, di samping bersedia memberikan bantuan segera sekiranya berlaku kecemasan atau kesulitan.

Menyentuh mengenai cabaran, beliau menjangkakan cuaca panas yang ekstrem sebagai antara cabaran utama yang boleh meningkatkan risiko strok haba dalam kalangan jemaah.

Sehubungan dengan itu, beliau sentiasa mengingatkan para jemaah agar menjaga kesihatan dengan meminum air secukupnya, mengelakkan pendedahan terlalu lama di bawah terik matahari serta menggunakan perlindungan seperti payung atau topi.

Awang Ahmad Waiz Ulf turut

menasihatkan para jemaah agar sentiasa peka terhadap keadaan diri dan segera melaporkan sekiranya berasa tidak sihat. Kerjasama erat dengan pihak perubatan haji juga amat penting bagi memastikan sebarang kecemasan dapat ditangani dengan cepat dan berkesan.

Dalam pada itu, beliau menyarankan agar para jemaah menjaga kesihatan, mengurangkan aktiviti fizikal berat serta membuat persediaan awal seperti melakukan senaman *brisk walk* bagi meningkatkan tahap keergasan.

"Jemaah juga hendaklah sentiasa mematuhi arahan petugas, menjaga disiplin diri serta mengamalkan sikap sabar dan bertolak ansur antara satu sama lain," tambahnya.

Awang Ahmad Waiz Ulf seterusnya menekankan bahawa



PEGAWAI Eksekutif Haji dan Umrah, Awang Ahmad Waiz Ulf bin Dahlan, juga selaku Pegawai Pengiring Haji dari Dar El Ehsan Travel Sdn. Bhd.

perkara paling utama ialah meluruskan niat dan memberi tumpuan sepenuhnya kepada ibadah, agar dapat menunaikan haji dengan sempurna dan beroleh haji yang mabrur.

Persediaan rapi pasukan perubatan pastikan kesihatan jemaah terpelihara

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 16 April. - Timbalan Ketua Rombongan Perubatan Haji, Dr. Fakhruddin bin Pehin Dato Haji Salim menjelaskan bahawa pelbagai persediaan awal telah dilaksanakan bagi memastikan tahap kesihatan bakal jemaah haji negara ini berada dalam keadaan optimum sebelum berangkat ke Tanah Suci.

Menurutnya, saringan kesihatan dan pemeriksaan perubatan telah mula dijalankan sejak November 2025 di keempat-empat daerah di negara ini. Penilaian berkenaan dibuat berdasarkan kriteria kesihatan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa Arab Saudi bagi musim haji tahun ini.

"Tujuan utama saringan ini adalah untuk memantapkan serta mengoptimalkan tahap kesihatan bakal jemaah haji agar mereka dapat menunaikan ibadah dengan sempurna dalam keadaan sihat walafiat.

"Selain itu, taklimat kesihatan turut diberikan sebagai persediaan awal, antaranya berkaitan risiko cuaca panas, kepentingan

pematuhan pengambilan ubat, pemantauan tahap hidrasi, pemakanan sihat serta pengurusan tenaga sepanjang musim haji," jelasnya.

Mengulas mengenai peranan pegawai perubatan, Dr. Fakhruddin berkata pasukan perubatan bertanggungjawab menjaga kebajikan dan kesihatan jemaah bermula dari hari berlepas sehingga kembali ke tanah air. Ini termasuk memberikan rawatan awal, pemantauan kesihatan, pengendalian kes kecemasan serta rujukan ke hospital bagi kes yang memerlukan.

Perhatian khusus juga tambahnya, diberikan kepada jemaah yang mempunyai penyakit kronik seperti tekanan darah tinggi, diabetes, penyakit jantung dan masalah pernafasan.

Bagi memastikan kesiapsiagaan petugas katanya lagi, kursus dan latihan intensif turut diadakan meliputi pengurusan kecemasan, *triage*, pengesanan tanda-tanda penyakit serta pengurusan kes tertentu termasuk melibatkan jemaah wanita. Latihan ini

bertujuan meningkatkan kecekapan, kesiapsiagaan mental dan fizikal serta memperkukuh kerjasama berpasukan.

Dalam pada itu, Dr. Fakhruddin turut menjelaskan

bahawa antara cabaran utama di Mekah dan Madinah adalah cuaca panas melampau yang boleh menyebabkan dehidrasi, keletihan haba dan strok haba. Selain itu, pergerakan berjalan kaki dalam keadaan sesak serta risiko jangkitan saluran pernafasan juga merupakan antara isu kesihatan yang sering dihadapi.

"Bagi menghadapi situasi kecemasan di kawasan sesak, pasukan perubatan sentiasa bersedia memberikan rawatan awal dengan segera, membuat penilaian tahap kecemasan serta menyelaras pemindahan pesakit dengan pihak berkuasa dan fasiliti kesihatan Arab

TIMBALAN Ketua Rombongan Perubatan Haji, Dr. Fakhruddin bin Pehin Dato Haji Salim.

Saudi jika diperlukan.

"Dalam usaha mengelakkan penularan penyakit berjangkit, jemaah dinasihatkan untuk mengamalkan kebersihan diri, memakai pelitup muka di kawasan sesak, mengelakkan perkongsian barangan peribadi

serta mendapatkan rawatan awal sekiranya mengalami gejala seperti demam, batuk atau selesema," ujarnya.

Dr. Fakhruddin turut menekankan kepentingan penjagaan kesihatan terutama bagi jemaah yang mempunyai penyakit kronik agar sentiasa memastikan bekalan ubat mencukupi, mengambil ubat secara konsisten

serta memantau tahap kesihatan masing-masing.

Jelasnya lagi, hidrasi dan pengurusan tenaga adalah amat penting. Jemaah disarankan minum air secukupnya, mendapatkan rehat yang mencukupi serta tidak memaksa diri melebihi kemampuan fizikal.

Dari segi kemudahan katanya lagi, klinik perubatan disediakan bagi rawatan pesakit luar dan pemantauan kesihatan harian. Kes ringan dirawat di klinik manakala kes serius akan dirujuk ke hospital atau fasiliti kesihatan Arab Saudi.

Mengakhiri temu bual, Dr. Fakhruddin berharap semua jemaah haji negara ini dapat menunaikan ibadah dengan lancar, selamat dan memperoleh haji yang mabrur.

Beliau juga menyeru ahli keluarga di tanah air agar sentiasa mendoakan kesejahteraan jemaah serta memberi sokongan moral, di samping mempercayai usaha berterusan pasukan petugas haji dan perubatan dalam menjaga kebajikan jemaah sepanjang berada di Tanah Suci.





سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

Semak Kedudukan Permohonan awda bagi mengetahui status jawatan kosong yang telah dipohon

1



2



Bahagian	Status	Butir Permohonan
+	DIJADUALKAN UNTUK UJIAN	100
+	PROSES PERAKUAN	100
+	DIJADUALKAN UNTUK UJIAN	100
+	TIDAK HADIR	100
+	DITOLAK SELEPAS TEMU DUGA	100
+	PERIHOON DITERIMA	100

3



WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

KONGSI KAEDAH KENAL PASTI MANGSA JENAYAH PEMERDAGANGAN

■ **Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei**

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 April. - Dalam usaha mempertingkatkan kesedaran dan memperkukuh inisiatif membanteras jenayah pemerdagangan orang di Negara Brunei Darussalam (NBD), Unit Siasatan Pemerdagangan Manusia (USPM) dari Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ), Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) baru-baru ini telah menganjurkan taklimat jerayawara mengenai jenayah pemerdagangan orang

kepada petugas barisan hadapan yang terdiri daripada pegawai-pegawai dan kakitangan di The Capital Residence Suite, Kampung Berangan, di ibu negara. Objektif utama taklimat berkenaan adalah untuk mendidik serta memberi kesedaran dalam kalangan peserta yang hadir tentang kaedah-kaedah mengenal pasti potensi mangsa jenayah pemerdagangan orang di negara ini.

Pihak penguat kuasa dan agensi barisan hadapan, khususnya kakitangan hotel, disarankan untuk sentiasa berwaspada dan proaktif dalam mengenal pasti identiti tetamu yang berkemungkinan terperangkap dan dieksploitasi sebagai mangsa pemerdagangan manusia.

Kerjasama erat daripada kakitangan hotel adalah amat penting dalam memainkan peranan untuk bersama-sama memerangi jenayah pemerdagangan manusia dan membantu PPDB dalam usaha berkenaan.



UNIT Siasatan Pemerdagangan Manusia dari Jabatan Siasatan Jenayah, Pasukan Polis Diraja Brunei semasa menganjurkan taklimat jerayawara mengenai jenayah pemerdagangan orang kepada petugas barisan hadapan.

Rumah Terbuka Hari Raya eratkan hubungan Ahli KESAN

■ **Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan Kemajuan Insan**



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 April. - Persatuan Kemajuan Insan (KESAN) baru-baru ini menganjurkan Majlis Rumah Terbuka Hari Raya di Youth Hub, Stadium Negara Hassanal Bolkiah yang dihadiri oleh 92 tetamu, terdiri daripada ahli-ahli, peserta Catalyst Plus, alumni, Ahli Majlis Belia Brunei, pihak berkepentingan serta ibu bapa.

Majlis yang diadakan sempena Hari Raya Aidilfitri berkenaan bertujuan untuk mengeratkan

hubungan dalam kalangan ahli dan keluarga mereka, di samping menghubungkan semula dengan bekas ahli persatuan.

Para tetamu turut menyertai pelbagai aktiviti interaktif yang dirangka bagi menggalakkan penglibatan dan mengukuhkan ukhuwah.

Presiden KESAN, Awang Md. Haziq Hisyam bin Md. Zaki dalam ucapan pembukaannya menjelaskan bahawa Ramadan adalah madrasah rohani untuk



MAJLIS Rumah Terbuka Hari Raya di Youth Hub, Stadium Negara Hassanal Bolkiah yang dihadiri oleh 92 tetamu (atas dan atas kiri).

mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala (*hablum minallah*) melalui puasa dan ibadah, manakala Syawal menjadi medan merapatkan silaturahmi sesama manusia (*hablum minannas*) melalui ziarah dan kemaafan.

Jelasnya lagi, ia adalah

kesinambungan ketakwaan dan kemanusiaan.

Majlis berkenaan mencerminkan usaha berterusan KESAN dalam membina komuniti yang saling menyokong dan berhubung erat dalam kalangan ahli dan pihak berkepentingan. Kehadiran yang menggalakkan turut mencerminkan

sokongan padu terhadap inisiatif yang dianjurkan oleh persatuan.

KESAN menyatakan komitmennya untuk terus menganjurkan program yang lebih inklusif dan berimpak pada masa hadapan selaras dengan misinya untuk memperkasa belia dan mengukuhkan hubungan komuniti.

Memupuk hubungan baik, memperkukuh jalinan silaturahmi

■ **Oleh : Marlinawaty Hussin**
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

GADONG, Khamis, 16 April. - Kaka Restaurant Management menganjurkan Majlis Rumah Terbuka sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1447 Hijrah / 2026 Masihi pada hari ini bertempat di kediaman pemilik restoran berkenaan di Kampung Rimba.

Majlis berkenaan dihadiri kira-kira 120 orang tetamu yang terdiri daripada ahli lembaga pengarah, pelajar serta kakitangan Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam (Pusat Ehsan).

Majlis yang berlangsung dalam suasana yang mesra dan penuh meriah berkenaan, sekali gus memberi peluang kepada para tetamu untuk beramah mesra, meraikan dan berkongsi kegembiraan Hari Raya Aidilfitri.


Diadakan setiap tahun, Majlis Rumah Terbuka berkenaan mencerminkan komitmen berterusan Kaka Restaurant Management dalam memupuk hubungan baik, memperkukuh

jalinan silaturahmi serta menyumbang kembali kepada masyarakat.

Ketua Pentadbiran Pusat Ehsan, Dayang Nurul Huda binti Awang Haji Muhiin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Kaka Restaurant Management atas kemurahan hati yang berterusan serta kerana sentiasa melibatkan para pelajar, kakitangan dan Ahli Lembaga Pengarah Pusat Ehsan dalam sambutan tahunan berkenaan.

Jelasnya, inisiatif berkenaan bukan sahaja membawa kegembiraan kepada komuniti Pusat Ehsan, malah turut memperkukuh semangat kebersamaan khususnya dalam musim perayaan ini.

Sementara itu, Kaka Restaurant Management pula berharap agar tradisi tahunan yang bermakna ini akan terus menyatukan masyarakat serta mencipta kenangan indah yang berkekalan buat mereka yang hadir.



MAJLIS yang berlangsung dalam suasana yang mesra dan penuh meriah berkenaan, sekali gus memberi peluang kepada para tetamu untuk beramah mesra, meraikan dan berkongsi kegembiraan Hari Raya Aidilfitri.

OPERASI SEPADU TUMPASKAN AKTIVITI PERJUDIAN, KEGIATAN TIDAK BERMORAL



■ Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 April. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) bersama Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) telah menjalankan satu Operasi Sepadu pada awal pagi 12 April 2026 di sebuah premis di Kampung Lubok Tebangun, Kilanas, Daerah Brunei dan Muara.

Hasil operasi tersebut, tiga orang individu warganegara asing telah ditahan bagi tujuan siasatan lanjut.

Mereka terdiri daripada seorang lelaki berumur 52 tahun serta dua wanita masing-masing berumur 33 dan 37 tahun.

Dalam operasi berkenaan, pegawai-pegawai JKED telah merampas pelbagai barangan yang disyaki melanggar

peruntukan Perintah Kastam dan Eksais 2006.

Barangan rampasan termasuk minuman beralkohol, mercun, peranti wap elektronik dan rokok.

Sementara itu, anggota PPDB daripada Unit Siasatan Penumpasan Perjudian dan Pencegahan Maksiat (USPPPM) telah merampas peralatan perjudian seperti meja dan tail mahjong, kad token dan cip token dari premis yang sama.

Kesalahan-kesalahan ini telah direkodkan di bawah Akta Rumah-rumah Perjudian Terbuka, Penggal 28 dan tiga individu tersebut juga disiasat di bawah Seksyen 294A Kanun Keseksaan, Penggal 22 atas kesalahan menawarkan khidmat seks.

HASIL operasi tersebut, tiga orang individu warganegara asing telah ditahan bagi tujuan siasatan lanjut (kiri dan atas tengah), manakala gambar atas kanan dan bawah kanan, peralatan perjudian yang dirampas.

PPDB ingin menegaskan kepada orang ramai bahawa aktiviti perjudian dan pelacuran merupakan kesalahan serius di bawah undang-undang Negara Brunei Darussalam.

PPDB kekal komited dalam menjaga ketenteraman awam dan memastikan pematuhan undang-undang negara secara menyeluruh.

Orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat berkaitan aktiviti yang disyaki menyalahi undang-undang adalah digalakkan untuk tampil ke hadapan.

Maklumat boleh disalurkan dengan menghubungi talian kecemasan PPDB di nombor 993 atau dengan mengunjungi balai polis yang berdekatan.

Kerjasama dan kewaspadaan masyarakat amat dihargai dan memainkan peranan penting dalam

membantu pihak penguatkuasa menjaga keselamatan komuniti kita bersama.



Kemeriahan Sambutan Hari Raya giat dilaksanakan



2 warga asing dipenjarakan, sebat

■ Siaran Akhbar : Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 16 April. - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) mengongsikan dua sesi pendakwaan yang telah dijalankan bagi kes di bawah Bab 15(1), Akta Imigresen, Penggal 17 iaitu tinggal lebih masa di negara ini setelah Pas Imigresen mansuh.

Sesi pendakwaan telah dijalankan ke atas Khalilur Rahman Masum, seorang lelaki warganegara Bangladesh berumur 25 tahun dijatuhkan hukuman penjara selama lima bulan dan tiga kali sebatan setelah mengaku bersalah dan

hukuman berkuat kuasa pada 6 April 2026.

Manakala Jahed Ali, seorang lelaki warganegara Bangladesh berumur 44 tahun dijatuhkan hukuman penjara selama enam bulan dan tiga kali sebatan setelah mengaku bersalah dan hukuman berkuat kuasa pada 6 April 2026.

JIPK sukacita mengalu-alukan kerjasama orang ramai yang mempunyai maklumat berkenaan pesalah-pesalah imigresen untuk menghubungi terus ke Talian JIPK +673 8734888 / +673 8753888 (Bandar Seri Begawan) / +673 8984111 (Kuala Belait).

JEMAAH masjid dan Muslimah Masjid Universiti, Universiti Brunei Darussalam tidak ketinggalan mengadakan majlis sedemikian menghimpunkan jemaah masjid serta keluarga (atas kiri, atas dan bawah kanan).

BERIBI, Khamis, 16 April. - Meskipun bulan Syawal hampir melabuhkan tirainya, kemeriahannya tetap dirasa dengan majlis-majlis Sambutan Hari Raya.

Sehubungan itu, jemaah masjid dan Muslimah Masjid Universiti, Universiti Brunei Darussalam tidak ketinggalan mengadakan majlis sedemikian menghimpunkan jemaah masjid serta keluarga berlangsung di Dewan Pisuk Babu, Annajat Complex Beribi, baru-baru ini.

Hadir selaku tetamu undangan majlis ialah Pengurus Am Firoz Jaya Silkhhouse, Firoz Khan dan Ketua-ketua Kampung Kawasan 2,5 dan 6, Perumahan Rimba, Gadong.

Wakil jemaah masjid, Haji Rosdie bin Haji Kepli dalam ucapannya antara lain menyatakan bahawa majlis berkenaan adalah sebagai salah satu aktiviti jemaah dalam sama-sama meraikan bulan kemenangan bagi

■ Berita dan Foto : Ihsan Abdul Khalid Hb

umat Islam sambil mengeratkan lagi tali persaudaraan dan silaturahim antara jemaah dan keluarga.

Majlis seterusnya menyaksikan penyampaian cenderahati kepada Bilal Haji Jalil bin Haji Putra yang

akan menamatkan perkhidmatan pada bulan Jun nanti.

Selain itu, majlis juga diserikan dengan cabutan nama-nama bertuah dan persembahan nyanyian daripada kalangan jemaah.



MENGUKUHKAN SILATURAHIM BEKAS PELAJAR MPUSB



Galaxy S21+ 5G

Oleh : Srinarawie Bidzah

Foto : Ihsan Bekas pelajar Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan sesi 1975-1978

Seri Begawan (MPUSB) Sesi 1975 hingga 1978 baru-baru ini menganjurkan Majlis Ramah Mesra Mantan MPUSB Sesi 1975 hingga 1978 sempena Hari Raya Aidilfitri 1447 Hijrah / 2026 Masihi (Jubli Emas).

Majlis berkenaan berlangsung di kediaman Awang Superi bin Ibrahim, di Perumahan Rimba.

Dalam ucapan Yang Dipertua Pertubuhan WARGAMAS, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Mohd. Don, selaku Pengerusi Majlis menjelaskan perkumpulan ramah mesra pada hari ini adalah bersempena dengan Hari Raya Aidilfitri 2026, sekali gus bagi memperingati 50 tahun mantan guru-guru ugama sesi 1975 hingga 1978 menyambut Jubli Emas.

Jelasnya lagi, perjumpaan berkenaan adalah bagi mengeratkan lagi silaturahmi dan mengimbas kembali nostalgia 50 tahun yang telah dialami secara bersama semasa dalam alam perguruan mengikuti Kursus Perguruan Ugama adalah sangat menyenangkan dan mengembirakan kerana masing-masing telah dikurniakan Allah dengan kesihatan dan keaktifan dengan rezeki luas yang bermanfaat yang perlu *kitani* syukuri.

"InsyaaAllah, dengan kurniaan Allah Subhanahu Wata'ala mengenai keberkatan umur, sihat afiat dan rezeki luas maka Alumni MPUSB Sesi 1975 hingga 1978 yang *kitani* sepakati membentuknya secara bersama akan diteruskan.

"Jika perlu dan bersesuaian *kitani* akan merancang beberapa program dan aktiviti yang berfaedah dan bermanfaat untuk dilaksanakan.

"Terima kasih atas segala usaha, jasa dan bakti yang *kitani* semua buat khususnya tuan rumah dan keluarga. Segala taburan rezeki dan penat lelah sangat disyukuri apalagi usaha untuk menyatukan kebersamaan yang mulia ini, semoga *kitani* semua sentiasa sihat afiat dan dalam rahmat Allah Subhanahu Wata'ala selalu. *Amin Ya Rabbal Alamin*," ujarnya lagi.

Antara lain tujuan majlis berkenaan diadakan sebagai tanda kesyukuran kepada Allah Subhanahu Wata'ala, mengeratkan dan mengukuhkan silaturahmi dalam kalangan bekas pelajar MPUSB Sesi 1975 hingga 1978, mewujudkan sikap kerjasama dan seterusnya memberi peluang dan kesempatan bersua muka sesama ahli untuk bermaaf-maafan.

MAJLIS yang berlangsung dalam suasana yang mesra dan penuh meriah berkenaan, sekali gus memberi peluang kepada para tetamu untuk beramah mesra, meraikan dan berkongsi kegembiraan Hari Raya Aidilfitri.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 April. - Syawal terus disemarakan dengan sambutan Hari Raya Aidilfitri sambil berkumpul sekali gus bermaaf-maafan antara satu sama yang lain meskipun Syawal sudah berada di penghujungnya.

Sehubungan itu, bekas pelajar Maktab Perguruan Ugama

Selamatkan Usus Awda.
Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan **kanser kolorektal**, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA
Selamatkan Usus Awda

*Sasaran pemeriksaan:
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.



Pembungkusan juadah secara individu kini lebih kemas, bersih, menarik

Oleh dan Foto : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

DALAM suasana Sambutan Hari Raya Aidilfitri yang sentiasa meriah dengan kepelbagaian juadah tradisional, muncul satu trend baharu yang semakin mendapat perhatian masyarakat, iaitu penyediaan makanan dalam bungkusan plastik bersaiz mini. Trend ini bukan sahaja mencerminkan kreativiti, malah memenuhi keperluan gaya hidup moden yang menitikberatkan aspek kebersihan.

Juadah yang lazimnya dihidangkan secara terbuka seperti kek lapis, *brownies*, biskut raya dan kuih-muih kini dibungkus secara individu menggunakan plastik lutsinar (*transparent*) bersaiz kecil. Setiap bungkusan disusun rapi dalam kotak hiasan yang menarik, sekali gus memberikan persembahan yang lebih eksklusif dan tersusun. Pendekatan ini jelas berbeza daripada cara tradisional yang menggunakan balang besar atau dulang hidangan terbuka.

Antara faktor utama yang mendorong populariti trend ini ialah peningkatan kesedaran terhadap kebersihan makanan. Masyarakat kini lebih peka terhadap aspek keselamatan dan kebersihan, khususnya ketika menerima kunjungan ramai tetamu. Melalui pembungkusan individu, setiap tetamu dapat menikmati juadah tanpa perlu berkongsi bekas yang sama, sekali gus mengurangkan risiko pencemaran serta melindungi makanan daripada habuk dan sentuhan berlebihan.

Peranan media sosial juga tidak dapat dinafikan dalam memperluaskan lagi trend ini. Perkongsian gambar dan video juadah yang dibungkus secara estetik di platform seperti Instagram dan TikTok telah menarik

perhatian ramai, sekali gus mendorong lebih banyak individu mencuba konsep yang sama. Hidangan yang cantik dan tersusun menjadikan juadah bukan sahaja enak dinikmati, malah menarik untuk dikongsi secara visual.

Selain itu, bungkusan kecil ini juga memudahkan tetamu mengambil dan menikmati makanan tanpa perlu menggunakan pinggan tambahan. Ia juga sesuai dijadikan buah tangan untuk dibawa pulang. Seseengah tuan rumah turut mengambil peluang menambah sentuhan peribadi seperti label nama kuih, ucapan Hari Raya atau rekaan pembungkusan yang unik dan bertemakan Aidilfitri. Label nama kuih ini juga memudahkan tetamu mengenal pasti jenis hidangan tanpa perlu bertanya berulang kali.

Walau bagaimanapun, penggunaan plastik sebagai bahan pembungkusan menimbulkan persoalan dari sudut kelestarian alam sekitar. Penggunaan plastik sekali guna secara berlebihan boleh menyumbang kepada peningkatan sisa pepejal (*solid*) jika tidak diurus dengan baik. Sehubungan itu, terdapat pengusaha mula beralih kepada alternatif yang lebih mesra alam seperti plastik biodegradasi, bekas kertas atau pembungkusan yang boleh diguna semula.

Dalam masa yang sama, pengguna disarankan untuk mengamalkan sikap bertanggungjawab dengan mengitar semula bahan pembungkusan serta mengurangkan pembaziran. Pendidikan dan kesedaran mengenai kepentingan penjagaan alam sekitar perlu dipupuk agar trend ini dapat berkembang secara seimbang.



Reaksi masyarakat terhadap trend ini juga pelbagai. Ada yang menyambut baik kerana ia lebih bersih, praktikal dan moden. Namun begitu, tidak kurang juga yang berpendapat bahawa trend ini sedikit sebanyak mengurangkan kemeriahan tradisi berkongsi juadah dalam satu bekas yang sama. Perbezaan pandangan ini menunjukkan bahawa perubahan gaya hidup turut mempengaruhi cara masyarakat meraikan sesuatu perayaan.

Secara keseluruhan, trend juadah mini berbungkus plastik ini mencerminkan perubahan dalam cara masyarakat menyambut Hari Raya yang kini lebih menitikberatkan kebersihan, kemudahan dan penampilan. Walaupun berdepan cabaran dari segi impak terhadap alam sekitar, inovasi dalam pembungkusan serta kesedaran penggunaan mampu memastikan trend ini berkembang secara lebih lestari pada masa hadapan.

PELAJAR CEMERLANG SMSSA DIRAIKAN



SEKOLAH Menengah Sultan Sharif Ali baru-baru ini meraikan pelajar-pelajar yang mencapai kecemerlangan dalam Peperiksaan Brunei Cambridge GCE Peringkat 'O' dan IGCSE bagi Sesi Akademik 2025 pada Majlis Anugerah Akademik dan Pra-Vokasional (atas dan atas kanan).

■ Siaran Akhbar dan Foto : Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 16 April. - Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali (SMSSA) baru-baru ini meraikan pelajar-pelajar yang mencapai kecemerlangan dalam Peperiksaan Brunei Cambridge GCE Peringkat 'O' dan IGCSE bagi Sesi Akademik 2025 pada Majlis Anugerah Akademik dan Pra-Vokasional, bertempat di Dewan Salambigar, sekolah berkenaan.

Majlis diselenggarakan dengan penyampaian sijil kepada tiga pelajar yang telah menamatkan Program Pra-Vokasional bagi 2025.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan penyampaian anugerah dan sijil, Pemangku Pegawai Tugas-tugas Khas Kanan (Korporat), Awang Mohammad Danny bin Aimi.

Seramai 46 pelajar menerima

Anugerah Pelajar Cemerlang, manakala 21 pelajar menerima Anugerah Pelajar Progresif, sementara dua pelajar menerima Anugerah Pelajar Terbaik Keseluruhan.

Pada tahun ini, salah seorang pelajar berkeperluan khas di sekolah berkenaan telah mendapat Anugerah Pelajar Khas.

Pada majlis berkenaan, tetamu kehormat majlis juga menyampaikan sijil penghargaan kepada 25 guru subjek kerana telah menunjukkan peningkatan peratus subjek dari tahun sebelumnya. Manakala 11 subjek yang menunjukkan peningkatan ialah English Language, IGCSE English, IGCSE Mathematics, Additional Mathematics, Geography, Food and Nutrition, Accounting, Combined Science, Biology, Art and Design dan

Islamic Religious Knowledge.

Dua subjek telah mencapai National Target, iaitu subjek Additional Mathematics dan Food and Nutrition. Manakala dua guru sumber di bawah Jabatan Pendidikan Khas telah menerima Anugerah Guru Sumber.

Turut hadir pada majlis berkenaan, Pengetua SMSSA, Dayang Hajah Noor Zinatul Ashiqin binti Haji Ibrahim, pegawai-pegawai dari Jabatan Sekolah-sekolah, pegawai dari Jabatan Pendidikan Khas, Pengerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), Pengurus Am Satami Food and Catering dan Pengurus Perolehan KFC (B) Sdn. Bhd.

Majlis diakhiri dengan ucapan khas daripada dua pelajar terbaik keseluruhan, iaitu Awang Muhammad Nadzrin Khairuddin bin Haji Khairul Abidin; dan Dayang Noor Alya Trisyahirah binti Noor Al'Adhzam.



Gelam Kuning

Nama Binatang : Burung Gelam Kuning / Yellow Bittern

Nama Sainifik : *Ixobrychus sinensis*

CITES : Tidak tersenarai

IUCN : Kurang dikhuatiri

Nama Tempatan : Gelam Kuning / Bambang Kuning / Kenawai

Order : Pelecaniformes

Kelas Spesies : Aves

Maklumat disediakan oleh : Bahagian Hidupan Liar, Jabatan Perhutanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

BURUNG Gelam Kuning mempunyai nama saintifik *Ixobrychus sinensis* dan tergolong dalam keluarga burung bangau atau *heron* iaitu *Ardeidae*. Saiznya kecil, sekitar 36 hingga 38 sentimeter, dengan warna kuning keperangan serta bahagian kepala dan belakang yang sedikit lebih gelap. Paruhnya panjang dan tirus - sangat sesuai untuk menangkap mangsa di kawasan berair dan berumput.

Burung ini biasanya ditemui di kawasan paya, sawah padi, tasik yang cetek dan kawasan lembap yang mempunyai tumbuhan tebal. Ia bersifat pemalu dan sering

bersembunyi di celah lalang atau semak, terutamanya pada waktu siang.

Gelam kuning aktif mencari makanan pada waktu pagi dan senja. Makanannya terdiri daripada serangga, ikan kecil, katak dan hidupan air yang lain. Ia memburu dengan cara berdiri diam sebelum menyambar mangsa dengan pantas menggunakan paruhnya yang tajam

Walaupun bersaiz kecil, burung ini memainkan peranan penting dalam ekosistem tanah lembap. Ia membantu mengawal populasi serangga dan hidupan kecil serta menjadi petunjuk kepada kesihatan habitat paya.

Oleh itu, adalah penting bagi *kitani* untuk sama-sama memelihara kawasan paya dan tanah lembap supaya spesies

seperti Gelam Kuning dapat terus hidup dan berkembang.

Marilah kita bersama-sama memelihara habitat paya dan kawasan lembap supaya spesies hidupan liar seperti Burung Gelam Kuning terus wujud dan memberi manfaat kepada ekosistem negara. Pemuliharaan ini bukan hanya membantu satu spesies, tetapi rantaian kehidupan keseluruhan yang bergantung kepada habitat tersebut.

Semoga perkongsian kali ini dapat meningkatkan kesedaran *kitani* tentang kepentingan memelihara alam semula jadi.

Sila ikuti setiap keluaran kapsul bulanan 'Kenali Hidupan Liar Kitani' dan untuk melihat foto-foto spesies hidupan liar *kitani* yang telah dipaparkan dan maklumat lanjut berkenaan spesies tersebut, sila layari dan ikuti akaun



Sumber Foto : Chong Sye Lo / B19 - 004 - 199 - yellow bittern - BWPC 2022 JPH

Instagram Jabatan Perhutanan: [forestry.brunei](https://www.instagram.com/forestry.brunei).

Lindungi hidupan liar *kitani* untuk memulihara Hutan Kitani.

STARMER PANGGIL GERGASI MEDIA SOSIAL BINCANG KESELAMATAN KANAK-KANAK



LONDON, 16 April. - Perdana Menteri Britain, Keir Starmer akan memanggil wakil kanan TikTok, X, Meta dan beberapa lagi syarikat media sosial ke Downing Street bagi mendesak mereka mempertingkatkan usaha melindungi kanak-kanak, ketika kerajaan meneliti sekatan baharu, lapor Agensi Berita Jerman dpa.

Pertemuan pada Khamis itu akan memberi tumpuan kepada usaha memastikan syarikat media sosial memikul tanggungjawab lebih besar, dengan Starmer memberi amaran bahawa kegagalan bertindak akan membawa kesan serius.

Starmer dan Setiausaha Teknologi, Liz Kendall akan meminta penjelasan daripada wakil Meta, X, Snap, TikTok dan Google berhubung usaha mereka

melindungi kanak-kanak serta menangani kebimbangan ibu bapa.

Mesyuarat itu diadakan ketika kerajaan sedang menjalankan rundingan awam mengenai langkah melindungi kanak-kanak dalam talian, termasuk kemungkinan melaksanakan larangan media sosial seperti di Australia bagi golongan bawah 16 tahun, mengehadkan ciri ketagihan dan memperketat kawalan terhadap chatbot kecerdasan buatan (AI).

"Media sosial membentuk cara kanak-kanak melihat diri mereka, persahabatan mereka dan dunia di sekeliling mereka.

"Apabila ia datang dengan risiko sebenar, mengabaikannya bukan satu pilihan," kata pemimpin Parti Buruh itu.

Beliau berkata ibu bapa berhak mengharapkan tindakan segera dan menegaskan kerajaan akan mengambil apa sahaja langkah yang perlu untuk memastikan kanak-kanak selamat dalam talian.

Menurut Downing Street, sesetengah syarikat media sosial telah memperluas langkah perlindungan seperti mematikan fungsi autoplay untuk pengguna muda, memberi ibu bapa lebih kawalan terhadap masa skrin dan memperkenalkan had waktu penggunaan, namun kerajaan berpandangan langkah itu masih belum mencukupi.

Cadangan larangan bagi golongan bawah 16 tahun bagaimanapun menerima tentangan daripada industri,

dengan Google memberi amaran bahawa pendekatan itu bukan penyelesaian terbaik dan mungkin mendorong kanak-kanak ke ruang internet yang lebih berbahaya serta kurang dipantau.

Kerajaan berjanji bertindak pantas selepas rundingan awam Growing Up In The Online World

berakhir pada 26 Mei, dengan Downing Street memaklumkan lebih 45,000 maklum balas telah diterima setakat ini termasuk daripada hampir 6,000 golongan muda. - ©BERNAMA

Kebakaran di loji penapisan minyak Australia

ISTANBUL, 16 April. - Kebakaran besar berlaku semalaman di loji penapisan minyak milik Viva Energy di Geelong, dipercayai akibat kegagalan peralatan, lapor Anadolu Ajansi yang memetik Australian Broadcasting Corporation pada Khamis.

Timbalan Pesuruhjaya Bomba dan Penyelamat Victoria Michelle Cowling berkata kebakaran itu berjaya dikawal di satu bahagian loji serta tidak menjajaskan pengeluaran diesel, petrol atau produk petroleum.

"Jadi, ini tidak akan menambahkan lagi tekanan terhadap isu bekalan bahan api yang sedang kami hadapi," katanya.

Viva Energy sedang melancarkan siasatan berhubung insiden itu.

Cowling menjelaskan usaha memadam kebakaran berdepan kesukaran kerana sebuah menara gas petroleum cecair (LPG) dengan injap terbuka tidak dapat didekati secara fizikal akibat haba yang terlalu tinggi, manakala jurutera sedang berusaha dari jarak jauh untuk mengosongkan tangki berkenaan.

Menteri Tenaga Australia, Chris Bowen berkata kemudahan itu masih mengeluarkan diesel dan bahan api jet, namun pada kadar lebih rendah sebagai langkah berjaga-jaga.

Tiada kecederaan dilaporkan dalam kejadian itu.

Loji penapisan Corio memproses kira-kira 120,000 tong sehari, bersamaan 50 peratus keperluan bahan api Victoria dan 10 peratus daripada jumlah keseluruhan negara itu. - ©BERNAMA

Bot bawa lebih 250 migran tanpa dokumen tenggelam di Laut Andaman

DHAKA, 15 April. - Sebuah bot yang membawa lebih 250 migran Rohingya dan Republik Rakyat Bangladesh tanpa dokumen dilaporkan tenggelam di Laut Andaman selepas berlepas dari kawasan pantai Cox's Bazar baru-baru ini, lapor Anadolu Ajansi (AA) yang memetik pihak polis.

Kejadian itu terbongkar selepas sebuah kapal Republik Rakyat Bangladesh menyelamatkan sembilan individu dari Lautan Hindi pada 9 April dan menyerahkan mereka kepada polis Republik Rakyat Bangladesh, kata Ketua Balai Teknaf Saiful Islam, kepada AA.

Bagaimanapun, beliau tidak memberikan jumlah tepat penumpang di atas bot itu, hanya menyatakan jumlah yang terlibat "ramai".

Daripada sembilan yang diselamatkan, enam dipercayai penyeludup manusia dan dipenjarakan, katanya.

Satu kes difailkan di Balai Polis Model Teknaf berhubung kejadian itu.

Menurut kertas pertuduhan, warga Rohingya dan Republik Rakyat Bangladesh dibawa secara haram ke Malaysia dengan bot, namun ia tenggelam akibat cuaca buruk.

Seorang mangsa terselamat etnik Rohingya, Rafiqul Islam, memberitahu akhbar tempatan The Daily Star, kira-kira 280 orang berada di atas bot itu, termasuk 13 kru dan penyeludup. Daripada jumlah itu, kira-kira 150 adalah Rohingya manakala selebihnya warga Republik Rakyat Bangladesh.

Rafiqul mendakwa antara 25 hingga 30 orang meninggal dunia akibat sesak nafas dan kesesakan. Bot itu akhirnya terbalik selepas dilanda ombak besar, katanya.

Sebelum ini, Pengawal Pantai Bangladesh memaklumkan sebuah kapal berbendera Republik Rakyat Bangladesh dalam perjalanan dari Chattogram ke Republik Indonesia menyelamatkan sembilan individu berhampiran Kepulauan Andaman pada 9 April.

Dalam kenyataan bersama yang dikeluarkan pada Selasa, Agensi Pelarian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNHCR) dan Pertubuhan Antarabangsa bagi Migrasi (IOM) di Republik Rakyat Bangladesh menyatakan tragedi ini mencerminkan kesan buruk perpindahan berpanjangan serta ketiadaan penyelesaian jangka panjang bagi komuniti Rohingya.

"Kami menggesa komuniti antarabangsa untuk meningkatkan solidariti dan meneruskan pembiayaan bagi menyokong bantuan menyelamatkan nyawa untuk pelarian Rohingya di Bangladesh serta komuniti tuan rumah," menurut kenyataan itu.

Republik Rakyat Bangladesh kini menempatkan kira-kira 1.3 juta Rohingya, kebanyakannya melarikan diri daripada tindakan keras tentera Republik Kesatuan Myanmar pada Ogos 2017 dan tinggal di kem yang sesak di Cox's Bazar.

Sejak itu, tiada pemulangan rasmi berlaku ekoran tentangan junta tentera Republik Kesatuan Myanmar, menyebabkan komuniti Rohingya di Republik Rakyat Bangladesh semakin tertekan.

Keadaan ini turut memaksa mereka mengambil risiko perjalanan di laut berbahaya bagi menamatkan kehidupan sebagai pelarian. - ©BERNAMA

Gunung Dempo Republik Indonesia meletus, kepulan abu menjulang 3,500m

JAKARTA, 15 April. -Gunung Dempo di Sumatera Selatan, Republik Indonesia meletus pada Rabu, memunculkan tiang abu sehingga 3,500 meter (m) di atas puncaknya, ketika pihak berkuasa memberi amaran kepada penduduk dan pelawat supaya menjauhi kawasan itu.

Pemangku Ketua Agensi Geologi Lana Saria berkata kepulan itu menjulang kepada kira-kira 6,673m dari paras laut, dengan pelepasan putih berintensiti sederhana melayang ke arah timur laut, lapor Agensi Berita ANTARA.

"Letusan ini dirakamkan pada

seismogram pada 11.45 pagi, dengan tempoh kira-kira 13 minit dan 49 saat," katanya.

Tiada laporan mengenai bunyi letupan yang mengiringi aktiviti gunung berapi itu, tambahnya.

Gunung Dempo, yang terletak berhampiran Pagar Alam di selatan Sumatera, kekal pada Tahap Amaran II (Waspada), menunjukkan peningkatan aktiviti gunung berapi.

Pihak berkuasa terus memantau perkembangan dan mengeluarkan maklumat terkini kepada masyarakat setempat.

Penduduk, pelawat dan plancong dinasihatkan supaya

mengelak kawasan kawah, dengan zon terhad ditetapkan pada radius satu kilometer, memanjang sehingga dua kilometer ke arah sektor utara di mana bukaan kawah terletak.

Pihak berkuasa memberi amaran kawasan itu kekal sebagai sumber gas gunung berapi berbahaya dan menggesa orang ramai untuk terus berwaspada serta mengikut arahan rasmi.

Pegawai terus memantau turun naik dalam aktiviti gunung berapi dan menyediakan maklumat terkini kepada kerajaan tempatan dan komuniti. - ©BERNAMA

Amazon intai Globalstar untuk saingi Starlink

WASHINGTON, 15 April. - Amazon merancang untuk memperluas perniagaan internet satelitnya dengan mengambil alih syarikat satelit Globalstar, dalam usaha untuk bersaing dengan Starlink milik Elon Musk, lapor Agensi Berita Jerman (dpa) memetik pengumuman bersama kedua-dua syarikat itu di Seattle pada Selasa. "Keupayaan baharu ini adalah sebahagian daripada visi jangka panjang Amazon untuk kesalinghubungan berasaskan angkasa lepas.

Amazon merancang untuk bekerjasama dengan pengendali rangkaian mudah alih dan rakan

kongsi tambahan bagi merealisasikan visi berkenaan serta menyediakan sambungan berkelajuan tinggi yang boleh dipercayai kepada pelanggan, tidak kira di mana jua mereka berada di dunia," menurut kenyataan itu.

Amazon merujuk kepada berbilion pelanggan yang berada di luar jangkauan rangkaian sedia ada dan menyatakan bahawa syarikat itu telah memulakan Amazon Leo bagi membantu menghubungkan mereka.

Amazon menawarkan pemegang saham Globalstar sama ada tunai USD90 sesaham atau

0.3210 saham Amazon sehingga nilai USD90 sesaham.

Tawaran itu mewakili premium lebih 23 peratus daripada harga penutupan pada Isnin, dengan jumlah keseluruhan melebihi USD11 bilion.

Starlink kini sudah mempunyai beribu-ribu satelit di orbit bumi dan menawarkan kesalinghubungan internet kepada syarikat penerbangan serta perkhidmatan lain.

Rangkaian satelit Leo milik Amazon, yang sebelum ini dikenali sebagai Project Kuiper, masih dalam peringkat pembangunan. - ©BERNAMA

Dapatan baharu mengenai manusia purba dalam penemuan arkeologi di Ethiopia

ADDIS ABABA, 15 April. - Kerajaan Ethiopia pada Selasa mengumumkan penemuan fosil Homo sapiens purba dan alat batu berusia kira-kira 100,000 tahun, yang dikatakan memberikan "dapatan baharu penting" berhubung evolusi manusia dan gaya hidup manusia terawal, lapor Xinhua.

Pihak Berkuasa Warisan Ethiopia (EHA) berkata penemuan arkeologi terkini itu adalah di tapak di Lembah Awash Lekukan Afar, kira-kira 300 kilometer timur laut

Addis Ababa.

Berucap pada taklimat media pada Selasa, Ketua Pengarah EHA Abebaw Ayalew berkata penemuan berkenaan adalah "sangat penting" dalam meningkatkan pemahaman mengenai manusia terawal.

Projek penyelidikan itu turut menemui rangka kera, monyet, haiwan bertanduk, tikus dan burung justeru menunjukkan kawasan tersebut dahulunya subur dan berhutan berbanding landskap padang pasir seperti sekarang,

katanya.

Ayalew berkata penemuan itu membantu mengis "jurang yang lama" dalam perjalanan evolusi manusia dan gaya hidup awal mereka, serta dalam memahami tahap pembangunan teknologi yang dicapai dalam tempoh tersebut.

Penemuan itu berjaya dilakukan menerusi penyelidikan arkeologi meluas yang dijalankan selama beberapa tahun, menghimpunkan saintis dari 24 negara, menurut EHA. - ©BERNAMA



PEMANASAN LAUTAN MEMPERCEPAT ALIRAN GLASIER DI ANTARTIKA

LANZHOU, 17 April. - Berdepan dengan peningkatan kelajuan aliran glasier di Semenanjung Antartika, sekumpulan penyelidik dari Republik Rakyat China mendapati bahawa fenomena tersebut berpunca daripada pemanasan

lapisan atas lautan. Antartika dianggap sebagai *barometer* sistem iklim global. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, kehilangan jisim lapisan aisnya yang semakin cepat serta ketidakseimbangan dinamik glasier yang berakhir di laut menjadi

semakin ketara. Teluk Beascochea di barat Semenanjung Antartika merupakan salah satu kawasan paling aktif dalam sistem iklim Antartika. Kajian terdahulu mengaitkan peningkatan sementara kelajuan glasier dengan aliran air cair di permukaan atau kemasukan air laut secara episodik, namun masih belum jelas sama ada pemanasan lautan yang berterusan mampu mengekalkan pecutan tersebut di peringkat serantau.

Bagi menjelaskan mekanisme kawal selia lautan dan atmosfera terhadap glasier, penyelidik dari Institut Ekologi Alam Sekitar dan Sumber Barat Laut di bawah Akademi Sains China memilih kawasan ini sebagai lokasi kajian.

Berdasarkan data pemerhatian dari tahun 2015 hingga 2025, mereka berjaya menjalankan pemantauan berfrekuensi tinggi, berketepatan tinggi dan meliputi keseluruhan kawasan terhadap kelajuan aliran bagi 101 glasier di teluk tersebut.

Hasil analisis menunjukkan bahawa purata kelajuan glasier pada musim panas adalah lebih tinggi berbanding musim sejuk,

menurut artikel penyelidikan terkini mereka yang diterbitkan dalam *International Journal of Applied Earth Observation and Geoinformation*. Pecutan aliran glasier secara meluas telah berlaku sejak tahun 2018.

"Tahun tersebut mungkin menjadi titik perubahan yang kritikal," kata Kang Yulong, penulis utama artikel berkenaan. Peningkatan kelajuan aliran glasier yang meluas dan berterusan berkemungkinan menandakan perubahan rejim penting dalam sistem iklim.

Ini menunjukkan bahawa tindak balas glasier di Semenanjung Antartika terhadap pemanasan global semakin ketara.

Pasukan penyelidik turut menganalisis secara kuantitatif sumbangan pelbagai faktor seperti suhu laut dan suhu udara terhadap kelajuan aliran glasier. Mereka akhirnya membuat kesimpulan utama bahawa pecutan aliran glasier bukan didominasi oleh air cair glasier, sebaliknya berkait rapat dengan kemasukan haba dalam lapisan cetek bawah permukaan lautan pada kedalaman 0 hingga

300 meter.

Kajian ini juga mendapati bahawa glasier di Semenanjung Antartika kini menunjukkan sensitiviti yang semakin tinggi terhadap pemanasan luaran, dan struktur sokongannya menjadi lebih rapuh.

Kajian ini bukan sahaja memperdalam pemahaman komuniti saintifik tentang dinamik lapisan ais Antartika dan interaksi ais-lautan, malah menyediakan bukti saintifik penting bagi ramalan kenaikan paras laut global serta penambahbaikan model iklim.

Kang berkata pasukan penyelidik akan memperluaskan kajian mekanisme pemacu air panas pada kedalaman 0 hingga 300 meter ke kawasan lain di Antartika bagi menguji kebolehgunaannya secara umum.

Mereka juga berjanji untuk membina data pemerhatian jangka panjang bagi mendedahkan kestabilan jangka panjang serta ambang kritikal lapisan ais Antartika, sekali gus menambah sokongan saintifik bagi penyelidikan kriosfera kutub. - ©XINHUA

Letupan tangki LPG di Republik Filipina ragut 2 nyawa

MANILA, 17 April. - Dua orang maut manakala tujuh lagi cedera selepas sebuah tangki gas petroleum cecair (LPG) meletup di kawasan perumahan di Bandar Dasmariñas, wilayah Cavite, selatan Manila pada Khamis pagi, menurut Biro Perlindungan Kebakaran (BFP), lapor Xinhua.

BFP memaklumkan letupan berlaku sejurus selepas 9 pagi waktu tempatan di sebuah rumah yang digunakan sebagai stesen pengisian semula LPG. Letupan itu meragut nyawa seorang pekerja lelaki berusia 65 tahun dan anak saudara pemilik perniagaan berusia 20 tahun.

Letupan kuat itu turut mencetuskan kebakaran serta memusnahkan rumah berhampiran dan kenderaan yang diparkir. Anggota bomba berjaya mengawal kebakaran dalam tempoh kurang 45 minit.

Penemuan awal menunjukkan pemilik rumah menjalankan perniagaan tangki LPG dan menyimpan beberapa tangki di dalam kediaman berkenaan, yang mungkin menyumbang kepada kekuatan letupan.

Beberapa rumah dan kereta di kawasan sekitar musnah atau mengalami kerosakan teruk. Seorang penduduk yang rumahnya musnah berkata siling dan bumbung runtuh ketika letupan, menyebabkan struktur itu tidak lagi selamat didiami.

BFP memaklumkan siasatan sedang dijalankan bagi menentukan punca sebenar letupan serta menilai kemungkinan pelanggaran peraturan keselamatan kebakaran. - ©BERNAMA

8 maut dalam nahas helikopter di Republik Indonesia, kata pasukan penyelamat

JAKARTA, 17 April. - Pasukan penyelamat pada Khamis mengesahkan lapan individu yang berada dalam sebuah helikopter yang dilaporkan hilang, maut selepas serpihan pesawat itu ditemukan di wilayah Kalimantan Barat, Republik Indonesia awal hari berkenaan, lapor Xinhua.

Pegawai penyelamat Letnan Kolonel Nurrachman Gindha Dradhizya berkata sebahagian mangsa telah ditemukan di lokasi nahas. "Empat mayat berjaya dipindahkan dan dimasukkan ke dalam beg mayat, manakala tiga lagi masih berada dalam bangkai helikopter," katanya pada Khamis malam.

Menurut manifes penerbangan, helikopter itu membawa lapan orang. Mayat mangsa terakhir masih dalam usaha dikesan setakat ini. Bagaimanapun, operasi pemindahan tidak dapat diteruskan berikutan keadaan gelap. Pasukan itu memutuskan untuk menghentikan operasi sementara dan akan menyambung semula pada pagi Jumaat.

"Kami akan menyambung semula esok pagi, termasuk usaha memotong bangkai helikopter untuk mengeluarkan mayat yang masih berada di dalamnya," tambah Dradhizya. - ©BERNAMA

Madinah catat kadar penginapan hotel tertinggi di Arab Saudi bagi 2025

MADINAH, 17 April. - Sektor hospitaliti di Madinah mencatat prestasi kukuh pada 2025 apabila menduduki tempat pertama di negara itu dari segi kadar penginapan hotel.

Pencapaian itu mencerminkan peningkatan permintaan terhadap destinasi berkenaan serta pertumbuhan berterusan aktiviti pelancongan berkaitan kunjungan ke Masjid Nabawi dan tapak bersejarah di wilayah itu, lapor Agensi Berita Saudi (SPA).

Pertumbuhan itu disokong pembangunan berterusan infrastruktur pelancongan serta peningkatan pelaburan dalam sektor penginapan.

Ia juga mencerminkan usaha berterusan untuk menambah baik pengalaman pengunjung dan jemaah umrah, selaras dengan matlamat Visi Arab Saudi 2030 untuk membangunkan sektor pelancongan serta meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada jemaah dan pengunjung Masjid Nabawi. - ©BERNAMA

Amaran ribut petir, hujan lebat dan angin kencang di tujuh negeri

KUALA LUMPUR, 17 April. - Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) mengeluarkan amaran ribut petir, hujan lebat dan angin kencang di tujuh negeri hingga 1 tengah hari ini.

MetMalaysia dalam kenyataan

memaklumkan negeri yang dijangka terjejas ialah Perak (Bagan Datuk dan Hilir Perak), Pahang (Maran, Kuantan, Bera, Pekan dan Rompin), Selangor (Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat dan Sepang),

Negeri Sembilan (Port Dickson). Turut terjejas Melaka, Johor (Tangkak, Muar, Batu Pahat dan Pontian) serta Sarawak (melibatkan kawasan Kuching, Samarahan dan Sri Aman). - ©BERNAMA

Lori bawa bahan berbahaya cetus kebimbangan pengguna feri laluan Menumbok-Labuan

LABUAN, 17 April. - Lori membawa gas dan produk petroleum untuk stesen minyak, yang berada di atas feri Ro-Ro untuk laluan Menumbok-Labuan dikenal pasti berpotensi menimbulkan risiko keselamatan kepada penumpang dan pemilik kenderaan.

Pengarah Jabatan Laut Labuan Alimuddin Amirudin berkata jabatan itu bertanggungjawab memastikan keselamatan semua pihak di atas feri, khususnya apabila melibatkan kargo berbahaya dan mudah terbakar.

Beliau berkata pengusaha feri telah diingatkan supaya mematuhi keperluan keselamatan, termasuk mengekalkan jarak minimum satu meter antara lori yang membawa bahan berisiko tinggi dengan kenderaan lain.

"Kami telah menekankan

kepada pengusaha tentang kepentingan mematuhi langkah keselamatan bagi mengurangkan sebarang risiko kepada penumpang dan kenderaan lain," katanya kepada Bernama sebagai mengulas kebimbangan yang dibangkitkan oleh pengguna.

Alimuddin berkata penggunaan feri Ro-Ro bagi pengangkutan barangan itu adalah berdasarkan permintaan pihak pengangkut, yang memilih perkhidmatan itu berbanding kaedah lain.

Beliau berkata jabatan itu akan menyemak peruntukan undang-undang sedia ada bagi menentukan sama ada amalan sedia ada mematuhi peraturan keselamatan maritim.

"Kami akan mengkaji akta sedia ada untuk menilai sama ada pengangkutan seperti ini

dibenarkan dan sama ada perlu ada penambahbaikan," katanya.

Isu berkenaan telah mencetuskan kebimbangan terhadap aspek keselamatan, khususnya ketika waktu puncak apabila feri membawa jumlah penumpang dan kenderaan yang banyak.

Laluan Menumbok-Labuan-Menumbok merupakan laluan pengangkutan utama yang menghubungkan pulau bebas cukai itu dengan tanah besar Sabah, melibatkan pergerakan harian penumpang dan kargo termasuk bekalan barangan keperluan ke Labuan.

Terdapat enam feri yang beroperasi, iaitu MV Goodwill Star, MV Putrajaya 1, MV Kimanis 1, MV Joy Star, MV Blue Ocean dan MV Galaxy. - ©BERNAMA

IMF sambung semula urusan dengan Venezuela selepas lebih enam tahun

ISTANBUL, 17 April. - Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) pada Khamis mengumumkan ia menyambung semula urusan dengan Venezuela selepas lebih enam tahun digantung, sekali gus membuka laluan kepada penyertaan semula negara itu dalam sistem kewangan global.

Pengarah Urusan IMF Kristalina Georgieva berkata dalam satu kenyataan bahawa keputusan itu dibuat berasaskan pandangan

negara anggota yang mewakili majoriti kuasa mengundi IMF, selain menepati amalan institusi yang sekian lama diguna pakai.

IMF berkata ia kini berurusan dengan Venezuela di bawah pentadbiran pemangku Presiden Delcy Rodriguez.

Venezuela telah menjadi anggota IMF sejak Disember 1946, namun dana itu menggantung urusannya dengan negara berkenaan pada Mac 2019 susulan pertikaian berhubung

pengiktirafan antarabangsa terhadap Kerajaan Venezuela.

Selepas ketegangan berlarutan selama beberapa bulan, penahanan Presiden Venezuela Nicolas Maduro oleh AS pada 3 Jan. menjadi pencetus kepada beberapa perkembangan baharu, antaranya Rodriguez mengangkat sumpah sebagai pemangku presiden, pindaan undang-undang minyak Venezuela dan pembebasan sebahagian tahanan politik. - ©BERNAMA



HYROX BANGKOK

HYROX : Uji tahap kecergasan, ketahanan mental



Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman
Foto : Ihsan Muhammad Khairin Zikry Haji Jahari

HYROX menggabungkan kekuatan fizikal, ketahanan, dan disiplin mental dalam satu pertandingan yang kompetitif. Sebelum menghadapi pertandingan HYROX, beliau akan membuat persediaan dalam tempoh beberapa bulan bergantung kepada tahap kecergasan semasa.

PERKEMBANGAN sukan kecergasan pada ketika ini semakin dinamik dan ini adalah salah satu petanda yang baik kerana orang ramai terutama sekali mereka yang berkecimpung dalam sukan kecergasan sangat mementingkan gaya hidup yang sihat. Ini menunjukkan penggiat sukan semakin kreatif dalam mewujudkan sesuatu aktiviti sukan yang lebih inklusif dan menarik.

Dalam landskap kecergasan masa kini, pelbagai trend baharu muncul yang bertujuan menguji ketahanan fizikal manusia. Namun begitu, tidak semuanya menawarkan format yang tersusun serta diiktiraf di peringkat antarabangsa sebagai platform pertandingan yang seragam. Dalam konteks ini, HYROX tampil sebagai fenomena global yang menghimpunkan pelari, penggiat gimnasium, atlet amatir dan peserta baharu dalam satu sistem pertandingan standard yang sama di seluruh dunia.

HYROX bukan sekadar acara kecergasan biasa. Ia merupakan pertandingan kecergasan dalaman berskala antarabangsa yang menggabungkan larian sejauh lapan kilometer dengan lapan stesen latihan berfungsi (*functional workout*) yang sama di setiap lokasi pertandingan di seluruh dunia. Standardisasi ini menjadikan setiap peserta, sama ada bertanding di Asia, Eropah atau Amerika berdepan cabaran yang serupa, sekali gus membolehkan pencapaian mereka dibandingkan secara adil di peringkat global.

Keunikan HYROX terletak pada konsepnya yang inklusif. Berbeza dengan pertandingan elit tertentu

yang hanya sesuai untuk atlet profesional, HYROX membuka peluang kepada semua lapisan masyarakat untuk turut serta. Peserta boleh memilih kategori seperti individu lelaki, individu wanita, beregu atau pasukan, mengikut tahap kemampuan masing-masing. Pendekatan ini menjadikan HYROX sebagai platform yang bukan sahaja kompetitif, malah mesra komuniti dan menggalakkan penyertaan meluas.

Di Negara Brunei Darussalam (NBD), HYROX semakin mendapat tempat di gim-gim yang menyediakan latihan khusus untuk HYROX. Ini menunjukkan pertumbuhan yang positif dan semakin mendapat

perhatian dalam kalangan komuniti kecergasan tempatan sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Meskipun, HYROX masih dianggap baharu di NBD, perkembangannya menunjukkan trend yang memberangsangkan. Melalui sokongan gim-gim tempatan yang menyediakan latihan, penganjuran cabaran komuniti, penyertaan atlet di peringkat antarabangsa serta peningkatan minat masyarakat terhadap kecergasan hibrid, HYROX berpotensi berkembang sebagai salah satu platform kecergasan kompetitif yang lebih tersusun dan popular di negara ini pada masa hadapan.

Pelita Brunei berkesempatan menemu bual Awang Muhammad Khairin Zikry bin Haji Jahari yang mula berkecimpung dalam HYROX sekitar dua tahun lalu. Menurut Awang Muhammad Khairin Zikry, timbulnya minat untuk terlibat dalam HYROX ini adalah kerana beliau ingin mencari satu cabaran baharu dalam konteks kecergasan yang lebih menyeluruh.

Ini kerana, tambah beliau, HYROX menggabungkan kekuatan fizikal, ketahanan, dan disiplin mental dalam satu pertandingan yang kompetitif. Sebelum menghadapi pertandingan HYROX, beliau akan membuat persediaan dalam tempoh beberapa bulan bergantung kepada tahap kecergasan semasa.

Dari segi cabaran sepanjang tempoh latihan tersebut ialah mengekalkan konsistensi,

mengurus keletihan, serta mengimbangi antara latihan kekuatan dan kardio dan beliau menggunakan gabungan pelan latihan khusus dan juga latihan sendiri bagi menyesuaikan dengan keperluan badan.

Antara persediaan penting sebelum menyertai HYROX termasuk latihan fizikal yang konsisten, pemakanan seimbang, rehat mencukupi, serta persediaan mental yang kuat.

Di samping itu, beliau juga mengikuti kelas-kelas jasmani seperti di Helmi Abdullah Fitness, Peak Brunei dan Hybrid Movement Gym untuk menambah pengalaman dan menimba ilmu daripada jurulatih-jurulatih yang lebih berpengalaman.

Sepanjang berkecimpung dalam HYROX ini, beliau telah menyertai beberapa acara di dalam dan luar negara seperti Brunei Fitness Challenge, HYROX Singapore, Bangkok dan Labuan dan ia memberi pengalaman berharga dari segi pendedahan, persaingan, dan budaya kecergasan yang berbeza.

Menurut Awang Muhammad Khairin Zikry, HYROX sangat

penting dalam memupuk gaya hidup sihat kerana ia menggalakkan orang ramai untuk aktif, berdisiplin, dan sentiasa mencabar diri.

Di NBD, trend HYROX semakin berkembang dan mendapat perhatian, terutamanya dalam kalangan belia yang semakin sedar tentang kepentingan kesihatan. Nasihat beliau kepada para belia adalah untuk berani mencuba, bermula dari kecil, dan kekal konsisten dalam latihan.

"Selepas menyertai HYROX, saya merasakan perubahan besar dari segi kecergasan fizikal, keyakinan diri, dan ketahanan mental. Penyertaan ini sememangnya memberi kesan positif kepada gaya hidup sihat saya, menjadikan saya lebih aktif dan berdisiplin. Pengalaman ini juga mengajar saya tentang kepentingan kesabaran, komitmen, dan tidak mudah berputus asa dalam mencapai matlamat. Tidak dilupakan yang mendorong saya sepanjang latihan saya adalah isteri dan anak-anak yang sentiasa menyokong dan memberi semangat supaya tidak putus asa," tambah beliau lagi.



SENTIASA JAGA DISIPLIN, PATUHI PERATURAN, JAUHKAN DIRI DARI BAHAN TERLARANG

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BERAKAS, Khamis, 16 April. - Semua atlet dan pegawai diingatkan untuk sentiasa menjaga disiplin, mematuhi peraturan penganjur, menjauhi diri dari bahan-bahan terlarang, serta mematuhi akta Anti-Doping yang dikuatkuasakan oleh World Anti-Doping Agency (WADA).

Selain itu, pegawai dan jurulatih juga diingatkan untuk memastikan aspek *safeguarding athletes*, iaitu menjaga kebajikan, keselamatan dan kesejahteraan atlet sepanjang kejohanan Sukan Pantai Asia Ke-6 yang akan berlangsung secara rasminya bermula pada 22 hingga 30 April 2026 di Sanya, Republik Rakyat China.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri

Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) (BDNOC) bersabda demikian pada Majlis Penyerahan Bendera Negara Kepada Kontinjen NBD ke Sukan Pantai Asia Ke-6, Sanya, Republik Rakyat China yang berlangsung di Bilik Simpur, Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Terdahulu, dalam sabda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah mengucapkan tahniah kepada atlet-atlet yang telah dipilih dan dinilai

oleh Urus Setia Penilaian dan Pemilihan Atlet Kebangsaan, dan dihadapkan kepada Jawatankuasa Tertinggi Penilaian dan Pemilihan Atlet Kebangsaan bagi sokongan.

"Saya berharap atlet-atlet yang terpilih ini akan dapat menunjukkan disiplin yang tinggi dan memberikan saingan terhadap lawan mereka, di samping memegang amanah yang diberikan kepada mereka bagi mewakili negara dengan penuh tanggungjawab dan dapat menumpukan perhatian sepenuhnya semasa bertanding nanti, selain menunjukkan semangat juang yang tinggi tanpa rasa gentar apabila berhadapan dengan lawan mereka bagi mengharumkan nama NBD," sabda Duli Yang Teramat Mulia.

Walaupun penyertaan negara pada kali ini hanya melibatkan empat

atlet, DYTM seterusnya bersabda penyertaan seorang atlet wanita adalah amat signifikan.

Perkara ini sabda DYTM lagi, mencerminkan komitmen berterusan negara dalam mempromosi penyertaan wanita dalam sukan secara inklusif, di samping memperkukuh usaha ke arah pemerkesa wanita dalam bidang sukan.

Dalam masa yang sama, DYTM seterusnya bersabda bahawa ia menunjukkan usaha untuk memastikan keseimbangan jantina dalam pembangunan sukan negara, selaras dengan Pelan Strategik Wanita dalam Sukan, BDNOC.

Pada kesempatan ini, DYTM turut bersabda merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Persatuan Sukan Kebangsaan dan ibu bapa yang



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan sabda.

terlibat dalam sama-sama memberikan sokongan yang berterusan kepada atlet-atlet yang akan menyertai Sukan Pantai Asia Ke-6.

Penyerahan bendera negara kepada kontinjen Sukan Pantai Asia Ke-6

BERAKAS, Khamis, 16 April. - Negara Brunei Darussalam (NBD) akan menghantar kontinjen bagi menyertai Sukan Pantai Asia Ke-6 yang akan berlangsung secara rasminya bermula pada 22 hingga 30 April 2026 di Sanya, Republik Rakyat China.

Kontinjen NBD dianggotai oleh seramai lapan orang terdiri daripada empat atlet dan empat pegawai termasuk Chef de Mission, ketua urus setia / Pegawai Safeguarding / Prevention of Manipulation of Competition dan jurulatih.

Sehubungan itu, Majlis Penyerahan Bendera Negara Kepada Kontinjen NBD ke Sukan Pantai Asia Ke-6, Sanya, Republik Rakyat China telah berlangsung di Bilik Simpur, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Berkenan berangkat bagi menyempurnakan majlis berkenaan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan NBD (BDNOC).

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Yang Dimulikan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Mustafa bin Haji Murat, diikuti dengan sembah alu-aluan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan

dalam sembah alu-aluannya mengimbas kembali penyertaan NBD pada Kejohanan Sukan Pantai Asia Ke-5 pada 2016 di Da Nang, Republik Sosialis Viet Nam yang telah diadakan pada 24 September hingga 3 Oktober 2016 dan NBD telah menyertai satu acara sukan sahaja, iaitu Sepak Takraw Pantai.

"Alhamdulillah, NBD telah berjaya meraih satu pingat gangsa.

"Semoga dengan kejayaan ini dapat memberikan motivasi dan membakar semangat para atlet untuk secara berterusan mempertingkatkan keupayaan dalam memberikan saingan kepada pihak lawan dengan persaingan secara sihat," sembah Yang Berhormat lagi.

Pada kejohanan kali ini sembah Yang Berhormat, NBD akan menyertai dua acara sukan, iaitu Athletics dan Teqball dengan menghantar kontinjen seramai lapan ahli yang terdiri daripada seorang Chef de Mission, empat atlet, dua jurulatih dan seorang ketua urus setia.

Dalam sembahnya, Yang Berhormat seterusnya mengingatkan agar semua atlet sentiasa berwaspada terhadap penggunaan ubat-ubatan atau suplemen yang tidak sah atau diragui, dan berharap agar kontinjen NBD akan mencapai kejayaan cemerlang dan terus mengharumkan nama negara di persada antarabangsa.

Kemuncak majlis ialah sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam berangkat bagi menyempurnakan majlis berkenaan.

Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan seterusnya penyerahan Bendera NBD oleh Presiden BDNOC kepada Pengiran Abdul Raub bin Pengiran Haji Ghani selaku Chef de Mission Kontinjen NBD ke Sukan Pantai Asia Ke-6, Sanya, Republik Rakyat China.

Acara diakhiri dengan bacaan Doa Selamat yang dibacakan oleh Yang Dimulikan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Mustafa, dan diselajurkan dengan sesi bergambar ramai bersama Presiden BDNOC.

Penyertaan berkenaan juga mencerminkan komitmen negara dalam menyokong penglibatan wanita dalam sukan, selaras dengan usaha memupuk kesaksamaan jantina (*inclusivity of women in sports*) dalam arena sukan kompetitif.

Juga hadir, Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Pemilihan dan Penilaian Atlet Kebangsaan, Persatuan- persatuan Sukan Kebangsaan, dan pegawai-pegawai kanan Kementerian Kebudayaan, Belia dan



Sukan serta keluarga atlet. Kontinjen negara dijangka akan

bertolak ke Sanya, Republik Rakyat China pada Sabtu, 18 April 2026.

Tahukah Awda

PERKHIDMATAN Perpustakaan Bergerak mula diperkenalkan di negara ini oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada 8 Ogos 1979 dengan perhentian pertama di Sekolah Melayu Sengkurong. Ia menyediakan perkhidmatan peminjaman dan rujukan buku, bertujuan meningkatkan budaya membaca dengan lebih aksesibel. Perkhidmatan ini mempunyai 77 pusat perhentian setakat Mac 2026, yang merangkumi sekolah-sekolah kerajaan dan swasta di seluruh negara.

SUMBER : dbp.gov.bn.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

PERSAHABATAN YANG DIBINA ATAS IMAN MEMBAWA KEBAIKAN DI DUNIA HINGGA KE AKHIRAT